







LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG Pengurusan Sisa Pepejal	3
MAJLIS SUKAN NEGERI Penggunaan Dan Penyelenggaraan Stadium Negeri Batu Kawan	20
MAJLIS AGAMA ISLAM Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.	42
PENUTUP	65



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

27 Januari 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

- Pengurusan Sisa Pepejal

1.1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Majlis) telah ditubuhkan pada 15 Disember 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 untuk menyediakan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di bahagian pulau di Pulau Pinang. Kawasan pentadbiran Majlis terdiri daripada penduduk berbilang bangsa seramai 722,300 orang dengan keluasan 299.65 km persegi. Bagi memastikan kebersihan awam dan kesempurnaan pengurusan sisa pepejal di seluruh pulau Majlis telah menubuhkan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Pelesenan Majlis yang berfungsi menguruskan perkhidmatan memungut, mengangkut dan melupuskan sisa pepejal.

1.2. Majlis telah membahagikan kawasan operasi pungutan kepada 8 zon di mana 7 zon telah dikontrakkan dan 1 zon sahaja dilaksanakan sendiri oleh Majlis. Majlis juga telah menetapkan pungutan sisa pepejal domestik yang dikontrakkan dilaksanakan pada waktu malam. Berdasarkan Piagam Pelanggan Majlis semua sisa pepejal dipungut mengikut jadual iaitu setiap hari bagi premis komersial dan 3 kali seminggu untuk premis kediaman. Manakala bagi bangunan *high rise* pungutan dilakukan setiap hari kecuali hari Ahad.

1.3. Untuk melaksanakan kerja pemindahan sisa pepejal, Majlis telah melantik Syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd. (Eurasia) untuk memindahkan sisa pepejal dari Stesen Pemindahan Batu Maung ke Tapak Pelupusan Pulau Burung mulai bulan Ogos 2001. Pada bulan Julai tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan Stesen Pemindahan Batu Maung ditutup sementara waktu bagi tujuan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Oleh itu, bagi memastikan pengurusan pemindahan sisa pepejal di bahagian pulau dapat dijalankan seperti biasa operasi pemindahan sisa pepejal telah dipindahkan ke Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ). Selain itu, waktu operasi pemindahan juga telah diubah ke waktu malam bagi mengelakkan berlakunya kesesakan di SPAJ yang turut digunakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pada 16 Julai 2012 Majlis telah melantik Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. melalui tender secara *Request For Proposal* bagi menggantikan Syarikat Idaman Bersih Sdn. Bhd. (IBSB) untuk melaksanakan kerja pelupusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Pulau Burung bagi tempoh 20 tahun.

1.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan sisa pepejal adalah di tahap memuaskan dari segi pemantauan terhadap kerja-kerja pungutan oleh 7 kontraktor melalui penggunaan *Global Positioning System* (GPS). Selain itu, pemindahan sisa pepejal dari SPAJ ke Tapak Pelupusan Pulau Burung telah dilaksanakan pada hari pungutan dibuat selaras dengan jadual yang ditetapkan. Di samping itu juga, kerja-kerja pembinaan loji rawatan *leachate* dan pusat kitar

semula serta kerja menaik taraf kolam rawatan *leachate* di Tapak Pelupusan Pulau Burung adalah mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Berlaku pencemaran daripada tumpahan air kurasan di atas jalan raya yang tidak dibersihkan di kawasan operasi Majlis dan kontraktor.
- Lori kompaktor Majlis kurang dibekalkan menyebabkan perkhidmatan pungutan sisa pepejal kurang cekap.
- Papan Jadual Perkhidmatan tidak disediakan di zon perkhidmatan Majlis dan tidak dikemas kini di zon perkhidmatan kontraktor.
- Berat sisa pepejal yang dilupuskan oleh kontraktor tidak dapat mencapai berat minima yang ditetapkan dalam kontrak.
- Kapasiti tong sampah yang kecil tidak dapat menampung jumlah sisa pepejal yang dibuang oleh orang awam.
- Jumlah pepejal terampai di semua lokasi sekitar tapak pelupusan melepasi had piawaian yang dibenarkan.
- Aduan pengurusan sisa pepejal lewat diambil tindakan.

1.5. Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal Majlis dapat dipertingkatkan, adalah disyorkan Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Mewujudkan *Standard Operating Procedure* terhadap operasi pungutan yang dilaksanakan oleh Majlis bagi mengelakkan berlakunya pencemaran semasa pungutan dijalankan.

1.5.2. Memastikan kontraktor pungutan mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam kontrak.

1.5.3. Menggantikan lori kompaktor yang telah rosak dan dicadangkan untuk pelupusan oleh Majlis.

1.5.4. Mengkaji semula beratan sisa pepejal yang dilupuskan oleh kontraktor seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

2. MAJLIS SUKAN NEGERI

- Penggunaan Dan Penyenggaraan Stadium Negeri Batu Kawan

2.1. Pembinaan Stadium Negeri Pulau Pinang (Stadium) di Batu Kawan telah dirancang sejak tahun 1995 sebagai stadium terbuka yang utama dan terbesar bagi Negeri Pulau Pinang. Stadium ini dibina untuk menggantikan Stadium Bandaraya bagi menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2000. Tapak seluas 150 ekar di Batu Kawan dikenal pasti untuk pembinaan stadium baru ini. Tapak tersebut dicadangkan sebagai tapak Kompleks Sukan Negeri bukan hanya untuk sebuah stadium terbuka tetapi juga untuk penyediaan kemudahan sukan yang lain. Pada awal tahun 2000, Stadium seluas 90 ekar telah siap dibina dengan kos RM104 juta yang ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Selepas tamatnya SUKMA, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk melantik PDC sebagai agensi penyenggaraan buat sementara waktu sehingga Kerajaan Negeri memutuskan bentuk dan struktur pengurusan yang sesuai bagi Stadium ini dan semua kemudahan sukan yang lain. Mulai tahun 2003, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya semua stadium, gelanggang dan kemudahan sukan di bahagian Seberang Perai diuruskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Penyerahan pengurusan Stadium kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSN) telah dilaksanakan selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 19 Disember 2008 meluluskan penyerahan pengurusan Stadium oleh MPSP kepada MSN. Penyerahan dibuat pada bulan Januari 2009. MSN telah menetapkan sasaran penggunaan Stadium sebagai satu kemudahan sosial kepada masyarakat untuk digunakan secara optimum di keseluruhan kawasan Stadium. Kadar sewaan kemudahan Stadium berpandukan kadar sewaan sedia ada di bawah pengurusan MPSP sejak bulan April 2003.

2.2. Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan dari bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati prestasi pengurusan penyewaan dan penyenggaraan Stadium Batu Kawan adalah di tahap kurang memuaskan walaupun prestasi penggunaan Stadium menunjukkan peningkatan sebanyak 207 kali atau 287.5% pada tahun 2013 dan 122 kali atau 169.4% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 disebabkan beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pengurusan tempahan Stadium kurang teratur.
- Peraturan pengurusan penyewaan tapak perlumbaan *cub prix* tidak ditetapkan dan kadar sewaan Stadium tidak seragam. Begitu juga penyewaan gerai Stadium kurang memuaskan.
- Kelemahan pengurusan terimaan.
- Prestasi kontrak perkhidmatan pembersihan Stadium kurang memuaskan.
- Terdapat kerosakan kemudahan, peralatan dan persekitaran Stadium.
- Aspek keselamatan Stadium kurang memuaskan.

2.3. Bagi memastikan penggunaan dan penyenggaraan Stadium Negeri Batu Kawan diuruskan dengan cekap dan mencapai objektifnya adalah disyorkan Majlis Sukan Negeri mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara-perkara berikut:

2.3.1. Meningkatkan promosi penggunaan Stadium dengan lebih meluas dan dibuat secara berterusan seperti melalui laman web atau media massa tempatan bagi meningkatkan hasil penyewaan supaya kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan dapat dikurangkan.

2.3.2. Menambah baik pengurusan tempahan dan penyewaan kemudahan Stadium sedia ada dari segi dokumentasi bagi memastikan ianya lebih cekap, terurus dan seragam.

2.3.3. Mengambil tindakan segera untuk kerja-kerja penyenggaraan dan membaiki kerosakan kemudahan dan peralatan serta persekitaran bagi memastikan Stadium sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

2.3.4. Mengkaji semula kadar sewaan Stadium dan gerai perniagaan sedia ada supaya kadar dan syarat-syarat perjanjian penyewaan dapat memberi nilai tambah kepada hasil MSN.

3. MAJLIS AGAMA ISLAM

- Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

3.1. Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (UTSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 12 Mei 2004 dengan modal dibenarkan sebanyak RM5 juta dan modal berbayar sebanyak RM4,003,004. UTSB merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Penubuhan UTSB bertujuan untuk mengurus dan mengelola sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan nama Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB). Penubuhan KITAB telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). KITAB menawarkan 5 program pengajian iaitu Diploma Syariah, Diploma Tahfiz Al-Quran, Diploma Qiraat Al-Quran, Diploma Perbankan dan Diploma Kewangan. KITAB juga menawarkan 3 program pengajian ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir Hadis), Ijazah Sarjana Muda Syariah (Al-Ahwal Al-Syahskhiyah) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Muamalah Wal Iqtishad) secara usahasama dengan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara Medan dan Ar Raniry Aceh, Indonesia. Selain itu, kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris juga diadakan. Sehingga bulan Mei 2013, jumlah enrolmen pelajar di KITAB adalah seramai 528 orang.

3.2. Secara keseluruhannya pengurusan UTSB dari segi prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan manakala pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Tiga daripada 5 program pengajian diploma hanya mendapat akreditasi sementara dari Agensi Kelayakan Malaysia manakala permohonan belum dibuat bagi mendapatkan akreditasi bagi 3 program ijazah.
- Prestasi pengambilan pelajar kurang memuaskan bagi 3 daripada 5 program diploma.
- 27 pelajar atau 25% sahaja dapat menamatkan pengajian dalam tempoh minimum 7 semester pengajian manakala selebihnya menamatkan pengajian dalam tempoh melebihi tempoh minimum iaitu antara 8 dan 14 semester.
- Pensyarah tidak mempunyai permit mengajar.
- Peningkatan tunggakan yuran pengajian pada setiap tahun disebabkan tindakan mendapatkan semula tunggakan tidak dibuat oleh UTSB.
- Kemudahan asrama pelajar tidak disenggarakan dan keselamatan asrama tidak memuaskan.

3.3. Bagi memastikan pengurusan Syarikat dan keselesaan serta keselamatan pelajar dapat dipertingkatkan UTSB adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Mewujudkan SOP syarikat merangkumi semua Jabatan supaya perjalanan operasi syarikat berjalan dengan lancar.

3.3.2. Meningkatkan pemantauan terhadap perjalanan KITAB bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia dipatuhi.

3.3.3. Mewujudkan kaedah yang berkesan untuk mengutip yuran yang tertunggak supaya jumlah tunggakan dapat dikurangkan.

3.3.4. Mempertingkatkan kemudahan dan keselamatan asrama pelajar.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

1. PENGURUSAN SISA PEPEJAL

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Majlis) telah ditubuhkan pada 15 Disember 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 untuk menyediakan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di bahagian pulau di Pulau Pinang. Kawasan pentadbiran Majlis adalah seluas 299.65 km persegi dan dihuni oleh seramai 722,300 orang. Bagi memastikan kebersihan awam dan kesempurnaan pengurusan sisa pepejal di seluruh pulau Majlis telah menubuhkan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam Dan Pelesenan Majlis yang berfungsi menguruskan perkhidmatan memungut, mengangkut dan melupuskan sisa pepejal.

1.1.2. Majlis telah membahagikan kawasan operasi pungutan sisa pepejal kepada 8 zon di mana 7 zon telah dikontrakkan dan 1 zon sahaja dilaksanakan sendiri oleh Majlis. Majlis juga telah menetapkan pungutan sisa pepejal domestik yang dikontrakkan dilaksanakan pada waktu malam. Berdasarkan Piagam Pelanggan Majlis semua sisa pepejal dipungut mengikut jadual iaitu setiap hari bagi premis komersial dan 3 kali seminggu untuk premis kediaman. Manakala bagi bangunan *high rise* pungutan dilakukan setiap hari kecuali hari Ahad.

1.1.3. Untuk melaksanakan kerja pemindahan sisa pepejal, Majlis telah melantik Syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd. (Eurasia) untuk memindahkan sisa pepejal dari Stesen Pemindahan Batu Maung ke Tapak Pelupusan Pulau Burung mulai bulan Ogos 2001. Pada bulan Julai tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan Stesen Pemindahan Batu Maung ditutup sementara waktu bagi tujuan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Oleh itu, bagi memastikan pengurusan pemindahan sisa pepejal di bahagian pulau dapat dijalankan seperti biasa, operasi pemindahan sisa pepejal telah dipindahkan ke Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ) yang terletak di Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah. Selain itu, waktu operasi pemindahan juga telah diubah ke waktu malam bagi mengelakkan berlakunya kesesakan di SPAJ yang turut digunakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

1.1.4. Pada 16 Julai 2012 Majlis telah melantik Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. melalui tender secara *Request For Proposal* bagi menggantikan Syarikat Idaman Bersih Sdn. Bhd. (IBSB) untuk melaksanakan kerja pelupusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Pulau Burung bagi tempoh 20 tahun.

1.1.5. Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013, Majlis telah membayar sejumlah RM55.56 juta kepada 7 kontraktor untuk kerja-kerja pungutan sisa pepejal manakala kos pemindahan dan kos pelupusan sisa pepejal yang ditanggung oleh Majlis masing-masing berjumlah RM21.85 juta dan RM10.31 juta. Butiran terperinci kos yang dibayar oleh Majlis kepada kontraktor pungutan, pemindahan dan pelupusan sisa pepejal adalah seperti di **Jadual 1.1.**

Jadual 1.1
Kos Pungutan, Pemindahan Dan Pelupusan Sisa Pepejal Yang Dibayar Kepada Kontraktor Bagi Tempoh 2011 Hingga Jun 2013

Tahun	Bayaran Pungutan Sisa Pepejal (RM)	Bayaran Pemindahan Sisa Pepejal (RM)	Bayaran Pelupusan Sisa Pepejal (RM)
2011	19,831,751	8,420,598	4,150,973
2012	23,575,152	8,789,000	3,745,321
Sehingga Bulan Jun 2013	12,149,986	4,635,600	2,414,114
Jumlah	55,556,889	21,845,198	10,310,408

Sumber: BPP, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam Dan Pelesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

1.1.6. Kajian yang sama pernah dijalankan di Pulau Pinang pada tahun 2003 dan 2008. Antara kelemahan yang pernah dibangkitkan ialah air kurasan mengalir keluar dari lori kompaktor ke jalan, kutipan sisa pepejal tidak mencapai had minimum serta kekurangan lori kompaktor.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal Majlis telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek pengurusan sisa pepejal bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan data, fail, laporan, minit mesyuarat dan dokumen perjanjian yang diselenggarakan oleh Majlis. Temu bual dengan pegawai Majlis dan lawatan ke 14 kawasan perumahan, 8 buah pasar awam dan 10 premis perniagaan telah dilakukan bagi meninjau sama ada pengurusan sisa pepejal telah dilaksanakan dengan teratur. Di samping itu, lawatan ke Stesen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung turut diadakan. Soal selidik telah diedarkan kepada penghuni di kawasan yang dilawati untuk menilai kualiti dan keberkesanan perkhidmatan pungutan sisa pepejal.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan sisa pepejal adalah di tahap memuaskan dari segi pemantauan

terhadap kerja-kerja pungutan oleh 7 kontraktor melalui penggunaan *Global Positioning System* (GPS). Selain itu, pemindahan sisa pepejal dari SPAJ ke Tapak Pelupusan Pulau Burung telah dilaksanakan pada hari pungutan dibuat selaras dengan jadual yang ditetapkan. Di samping itu juga, kerja-kerja pembinaan loji rawatan *leachate* dan pusat kitar semula serta kerja menaik taraf kolam rawatan *leachate* di Tapak Pelupusan Pulau Burung adalah mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Berlaku pencemaran daripada tumpahan air kurasan di atas jalan raya yang tidak dibersihkan di kawasan operasi Majlis dan kontraktor.
- Lori kompaktor Majlis kurang dibekalkan menyebabkan perkhidmatan pungutan sisa pepejal kurang cekap.
- Papan Jadual Perkhidmatan tidak disediakan di zon perkhidmatan Majlis dan tidak dikemas kini di zon perkhidmatan kontraktor.
- Berat sisa pepejal yang dilupuskan oleh kontraktor tidak dapat mencapai berat minimum yang ditetapkan dalam kontrak.
- Kapasiti tong sampah yang kecil tidak dapat menampung jumlah sisa pepejal yang dibuang oleh orang awam.
- Jumlah pepejal terampai di semua lokasi sekitar tapak pelupusan melebihi had piawai yang dibenarkan.
- Aduan Pengurusan Sisa Pepejal lewat diambil tindakan.

1.4.1. Prestasi Pungutan Sisa Pepejal

1.4.1.1. Tumpahan Air Kurasan Di Atas Jalan Raya

- a. Bagi memastikan kerja pungutan sisa pepejal dilaksanakan dengan sempurna, Majlis dan kontraktor bertanggungjawab memastikan tidak ada sisa pepejal yang tercicir, tumpah, tiris dan sebagainya di mana-mana jalan dan jalan raya awam yang dilaluinya serta tidak berlaku tumpahan air kurasan semasa proses mampatan sisa pepejal dilakukan. Majlis dan kontraktor juga bertanggungjawab melakukan penyemburan bahan kimia bagi tujuan menghapuskan kuman serta menyahkan bau air kurasan di lokasi berlakunya tumpahan semasa pungutan dijalankan.
- b. Lawatan Audit pada 24 April 2013 di kawasan pungutan Majlis dan pada 7 Mei 2013 di kawasan pungutan kontraktor mendapati berlaku tumpahan air kurasan di atas jalan raya ketika proses mampatan sisa pepejal dilakukan. Tumpahan ini mengalir daripada lori kompaktor di sepanjang jalan seperti **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.3**.

Gambar 1.1
Tumpahan Air Kurasan Semasa Proses Mampatan Dilakukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Genting, Balik Pulau
Tarikh: 24 April 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, perkhidmatan pungutan, mengangkut dan pembuangan sisa pepejal di kawasan Balik Pulau, Majlis sedia maklum keadaan kenderaan usang yang digunakan dan langkah pemuliharaan yang sewajarnya telah diambil dengan membuat perolehan 3 buah lori kompaktor dan 2 buah lori *multi lift*. Kesemua kenderaan tersebut telah diterima pada bulan Disember 2013.**

Gambar 1.2
Air Kurasan Keluar Dari Lori Kompaktor Dan Mengalir Di Sepanjang Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Jelutong
Tarikh: 7 Mei 2013

Gambar 1.3
Air Kurasan Keluar Dari Lori Kompaktor Dan Mengalir Di Sepanjang Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zon Air Itam
Tarikh: 8 Mei 2013

- d. Pemerhatian Audit mendapati walaupun lori kompaktor yang digunakan dilengkapi dengan tangki takungan air kurasan namun air kurasan masih mengalir keluar kerana tangki takungan air kurasan didapati telah berkarat dan beberapa bahagian tangki tersebut bocor. Tumpahan air kurasan ini tidak dibersihkan dan tidak disembur dengan bahan kimia bagi menghapus kuman menyebabkan jalan raya menjadi kotor serta berbau busuk.

- e. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, isu mengenai tumpahan air kurasan telah dibincangkan dalam Sesi Perjumpaan Ahli Majlis Bersama Kontraktor pada 15 November 2013. Persetujuan bersama telah dibuat agar kontraktor membuat pembaikan tangki takungan air kurasan. Tempoh pembaikan dijadualkan sehingga bulan Mei 2014 dan sehingga kini sebanyak 15 dari 58 buah lori kompaktor telah dibaik pulih tangki takungan air kurasan.

1.4.1.2. Lori Kompaktor Kurang Dibekalkan

- a. Berdasarkan Jadual Pungutan Dan Perjalanan Majlis bagi Zon Balik Pulau, 3 buah lori kompaktor diperlukan setiap hari untuk melaksanakan kerja-kerja pungutan di Zon Balik Pulau dan 1 buah lori kompaktor diperlukan sebagai kenderaan tunggu sedia jika berlaku kerosakan terhadap salah satu daripada 3 buah lori kompaktor utama.
- b. Mengikut rekod Jabatan Kejuruteraan Majlis, mulai bulan November 2002 Majlis ada menyediakan 6 buah lori kompaktor untuk perkhidmatan pungutan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh BPP di zon Balik Pulau. Pada bulan Januari 2011 sebuah lagi lori kompaktor telah dibekalkan bagi kegunaan BPP Majlis. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Jadual Pungutan Dan Perjalanan Majlis mendapati hanya 3 buah lori kompaktor bernombor pendaftaran PFK 677, PFK 659 dan PJX 8530 yang dijadualkan oleh BPP untuk beroperasi di zon Balik Pulau di mana 2 daripada 3 lori kompaktor tersebut telah berusia melebihi 10 tahun. Status 7 buah lori kompaktor yang disediakan oleh Majlis adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Status Lori Kompaktor Yang Disediakan Oleh Majlis

Bil.	Nombor Pendaftaran	Tahun Dibuat	Tarikh Pendaftaran	Usia Kenderaan (Tahun)	Status
1.	PFK 531	2002	21.11.2002	10	- Dalam proses pembaikan - Telah dicadangkan untuk pelupusan pada tahun 2009
2.	PFK 537	2002	21.11.2002	10	Telah dicadangkan untuk pelupusan pada tahun 2009
3.	PFK 672	2002	23.11.2002	10	
4.	PFK 682	2002	23.11.2002	10	
5.	PFK 659	2002	23.11.2002	10	- Telah dicadangkan untuk pelupusan pada tahun 2009
6.	PFK 677	2002	23.11.2002	10	- Sedang Digunakan
7.	PJX 8530	2010	05.01.2011	1	Sedang Digunakan

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- c. Semakan selanjutnya terhadap Laporan Harian Bekalan Kenderaan di Jabatan Kejuruteraan Majlis mendapati dalam tempoh tahun 2012 hingga bulan Jun 2013 hanya 2 buah lori kompaktor dimohon oleh BPP dan dibekalkan oleh Jabatan Kejuruteraan seperti di **Jadual 1.3**. Mengikut rekod Majlis dalam tempoh tersebut sebuah lori kompaktor berada di bengkel untuk tujuan pembaikan. Baki lori kompaktor iaitu PFK 537, PFK 672 dan PFK 682 didapati telah rosak dan tidak boleh digunakan langsung. Walau bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan Jabatan

Kejuruteraan Majlis menjadikan bahagian ketiga-tiga lori berkenaan sebagai peralatan gantian sekiranya berlaku kerosakan bagi lori yang sedang digunakan.

Jadual 1.3

Laporan Harian Bekalan Kenderaan Jabatan Kejuruteraan Bagi Bulan Januari Hingga April 2013

Tahun	Bulan	Tarikh Pesanan Dan Bekalan	Bilangan Pesanan		Bilangan Yang Dibekalkan	
			Pagi	Petang	Pagi	Petang
2013	Januari	01.01.2013 Hingga 31.01.2013	2	2	2	2
	Februari	01.02.2013 Hingga 28.02.2013	2	2	2	2
	Mac	01.03.2013 Hingga 31.03.2013	2	2	2	2
	April	01.04.2013 Hingga 30.04.2013	2	2	2	2

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- d. Keadaan ini menyebabkan penduduk di zon Balik Pulau menerima perkhidmatan yang kurang cekap kerana sisa pepejal yang sepatutnya dipungut sebelum jam 2.30 petang telah dibuat selepas waktu itu.
- e. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, Majlis telah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah kekurangan kenderaan kompaktor tersebut. Perolehan sebanyak 3 buah lori kompaktor telah dibuat dan diterima pada bulan Disember 2013.**

Pada pendapat Audit, penambahan dan penggantian terhadap lori kompaktor yang sedia ada dan yang telah usang perlu untuk memastikan pengurusan sisa pepejal Majlis beroperasi secara efisien. Penggunaan sesebuah kenderaan sepanjang masa serta faktor usia kenderaan yang mencapai jangka hayat untuk dilupuskan menyebabkan kenderaan kerap rosak dan meningkatkan kos pembaikan kenderaan Majlis.

1.4.1.3. Papan Jadual Perkhidmatan Pungutan Tidak Disediakan

- a. Majlis dan kontraktor bertanggungjawab menyediakan papan Jadual Perkhidmatan Pungutan Sisa Pepejal yang mengandungi maklumat berkenaan jadual pungutan sisa pepejal, penyelia yang boleh dihubungi dan nombor talian pejabat Majlis atau kontraktor yang menyediakan perkhidmatan di zon terlibat. Papan-papan jadual ini ditempatkan di pintu masuk utama taman-taman perumahan, kompleks perniagaan dan tapak-tapak penjaja di kawasan pentadbiran Majlis. Ia bertujuan memberitahu orang awam supaya mengeluarkan sisa pepejal pada hari pungutan yang ditetapkan.

1.4.1.4. Berat Sisa Pepejal Yang Dipungut, Diangkut Dan Dilupuskan Oleh Kontraktor Kurang Daripada Berat Minimum Yang Ditetapkan

- a. Bagi tempoh 2011 hingga bulan Jun 2013 Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1.65 juta bagi 21 tan sisa pepejal yang dipungut, diangkut dan dilupuskan oleh kontraktor setiap bulan. Mulai bulan Mac 2013 jumlah harga kontrak bulanan pengurusan sisa pepejal telah meningkat kepada RM2 juta dengan kos tambahan sejumlah RM0.35 juta sebulan.
- b. Kos tambahan yang dibayar oleh Majlis adalah bagi menampung peningkatan penggunaan minyak, tol jambatan dan penyenggaraan kenderaan yang terpaksa ditanggung oleh kontraktor kerana perpindahan operasi pemindahan sisa pepejal dari Stesen Pemindahan Batu Maung ke Stesen Pemindahan Ampang Jajar seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Perubahan Harga Kontrak Pengurusan Sisa Pepejal

Bil.	Nama Kontraktor	Jadual Pertama Perjanjian Kontrak Pengurusan Sisa Pepejal		Harga Kontrak Se Tan (RM) b/a	Kos Tambahan (RM) c	Jumlah Harga Kontrak (RM) b+c
		Berat Minima Sebulan (Tan) a	Harga Kontrak (RM) b			
1.	Cahaya Delima Enterprise (Zon Tanjung Tokong)	2,457	262,433	107	39,525	301,958
2.	SP Maju Sdn. Bhd. (Zon Air Itam)	3,826	249,144	65	65,100	314,244
3.	AWS Jaya Sdn. Bhd. (Zon Batu Maung)	2,914	252,655	87	55,800	308,455
4.	RT Jaya Sdn. Bhd. (Zon Jelutong)	2,387	186,150	78	46,500	232,650
5.	Hayara Sdn. Bhd. (Zon Padang Kota Lama)	3,096	227,787	74	41,310	269,097
6.	KFM Holding Sdn. Bhd. (Zon Pulau Tikus)	3,106	209,800	68	41,310	251,110
7.	Syarikat Firwan Merican Sdn. Bhd. (Zon Gelugor)	3,651	267,052	73	60,450	327,502
Jumlah		21,437	1,655,021		349,995	2,005,016

Sumber: BPP, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam Dan Pelesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- c. Berdasarkan Jadual Pertama di dalam Perjanjian Kontrak Pengurusan Sisa Pepejal, Majlis melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Majlis telah menetapkan harga kontrak bulanan pengurusan sisa pepejal adalah berasaskan kepada purata berat minima sisa pepejal yang dipungut, diangkut dan dilupuskan. Berat minima sisa pepejal ditetapkan berdasarkan purata unjuran penduduk bagi tahun 2010 hingga

2015 dengan penambahan 2% setiap tahun dan dianggarkan sebanyak 1.11 kg berat sisa pepejal akan dijanakan oleh seorang penduduk setiap hari.

- d. Semakan Audit terhadap rekod timbangan sisa pepejal yang dipungut, diangkut dan dilupuskan oleh kontraktor bagi tempoh bulan Julai 2012 hingga Jun 2013 mendapati berat sisa pepejal yang dipungut, diangkut dan dilupuskan adalah kurang daripada berat minima yang ditetapkan dalam Perjanjian Kontrak seperti di **Jadual 1.5**. Menurut Majlis, kontraktor ada melaksanakan aktiviti kitar semula terhadap sisa pepejal yang dipungut. Keadaan ini telah mengurangkan lagi jumlah berat sisa pepejal yang dilupuskan.

Jadual 1.5

Perbandingan Jumlah Berat Sisa Pepejal Yang Dipungut, Diangkut Dan Dilupuskan Oleh Kontraktor Dengan Berat Minima Yang Ditetapkan Dalam Kontrak Bagi Tempoh Bulan Julai 2012 Hingga Jun 2013

Bil.	Nama Kontraktor	Tempoh Bulan Julai 2012 Hingga Jun 2013						
		Berat Sisa Pepejal Yang Dipungut	Berat Sisa Pepejal Yang Telah Dikitar Semula	Jumlah Berat Sisa Pepejal Yang Dilupuskan	Berat Minima Sisa Pepejal Yang Ditetapkan	Kurangan / Lebihan	Peratus Kekurangan Daripada Jumlah Minima	Lebihan Bayaran Yang Ditanggung Oleh Majlis
		(Tan) a	(Tan) b	(Tan) a+b = c	(Tan) d	(Tan) c-d	(%)	(RM)
1.	Cahaya Delima Enterprise	23,486	1,717	25,203	29,484	(4,281)	14.5	458,067
2.	SP Maju Sdn. Bhd.	26,921	588	27,509	45,912	(18,403)	40.1	1,435,434
3.	AWS Jaya Sdn. Bhd.	33,404	587	33,991	34,968	(977)	2.8	84,999
4.	RT Jaya Sdn. Bhd.	21,054	1,026	22,080	28,644	(6,564)	22.9	511,992
5.	Hayara Sdn. Bhd.	34,569	391	34,960	37,152	(2,192)	5.9	162,208
6.	KFM Holding Sdn. Bhd.	26,874	840	27,714	37,272	(9,558)	25.6	649,944
7.	Syarikat Firwan Merican Sdn. Bhd.	34,966	1,666	36,632	43,812	(7,180)	16.4	524,140
Jumlah		201,274	6,815	208,089	257,244	(49,155)	19.1	3,826,784

Sumber: BPP, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam Dan Pelesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- e. Analisis Audit mendapati bagi bulan Julai 2012 hingga Jun 2013, pungutan sisa pepejal oleh kesemua 7 kontraktor tidak mencapai berat minima sisa pepejal seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Peratus kekurangan berat sisa pepejal bagi 7 kontraktor adalah di antara 2.8% hingga 40.1% yang melibatkan jumlah perbelanjaan kepada Majlis berjumlah RM3.83 juta.
- f. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, bayaran yang ditetapkan kepada perkhidmatan kontrak ini adalah dibuat secara lump sump kerana mengambilkira elemen pelaburan modal iaitu kapasiti vehicle fleet yang telah dilaksanakan bagi satu tempoh kontrak yang berpanjangan. Syor supaya dikaji semula minima beratan sampah yang ditetapkan bagi sesuatu skim perkhidmatan adalah masih tertakluk kepada asas perkiraan yang berpandukan**

kepada penduduk dan penjana sampah serta *vehicle fleet requirement* yang ditetapkan secara saintifik. Sebarang kajian untuk pengurangan minima berat sampah ini memerlukan penelitian lanjut yang saintifik dan sahih dari segi peratusan sampah dan bahan kitar semula yang dipungut oleh pihak ketiga iaitu *service provider* atau trend pengurangan sampah yang dipungut.

Pada pendapat Audit, berat minima sisa pepejal yang ditetapkan oleh Majlis perlu dikaji semula kerana kesemua kontraktor tidak dapat mencapai berat minima yang ditetapkan walaupun setelah mengambil kira beratn daripada aktiviti kitar semula yang dilaksanakan oleh kontraktor pungutan. Pada masa yang sama tindakan ini boleh mengelakkan Majlis daripada mengalami kerugian.

1.4.1.5. Kapasiti Tong Sampah Kecil

- a. Majlis membekalkan beberapa jenis tong sampah ke seluruh kawasan operasi bagi kemudahan orang awam membuang sampah. Di antara jenis tong sampah yang dibekalkan adalah seperti tong sampah *Roll On Roll Off* (RORO) dan tong sampah *Compact Loader* (CL). Penempatan tong sampah dibuat berdasarkan keperluan dan permintaan orang awam di kawasan taman perumahan, pasar, taman permainan dan rekreasi.
- b. Lawatan Audit mendapati jenis tong sampah yang diletakkan di beberapa lokasi kurang sesuai kerana tidak dapat menampung kapasiti sisa pepejal. Keadaan ini telah menyebabkan berlaku pembuangan sisa pepejal di luar tong sampah seperti di **Gambar 1.6** dan **Gambar 1.7**.

Gambar 1.6
Tong Sampah Tidak Dapat Menampung Kapasiti Sisa Pepejal Yang Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam, Jalan Anson
Tarikh: 7 Mei 2013



Gambar 1.7
Tong Sampah Tidak Dapat Menampung
Kapasiti Sisa Pepejal Yang Dibuang

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Utama, Pulau Pinang
 Tarikh: 9 Mei 2013

- c. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, bagi kawasan Pasar Awam Jalan Anson yang berdasarkan saiz ruang tapak sampah, Majlis telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menambah bilangan tong sampah berkapasiti 660 liter daripada 2 kepada 4 unit.

1.4.1.6. Kandungan Air Kurasan Yang Telah Dilepaskan Dari Tapak Pelupusan

- a. Mengikut syarat 14 kelulusan Laporan EIA, kontraktor tidak dibenarkan melepaskan air kurasan ke dalam mana-mana alur air kecuali dirawat terlebih dahulu. Jadual Kedua dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009 pula menetapkan kepekatan kandungan bahan kimia daripada air yang dilepaskan tidak boleh melepasi had yang ditetapkan.
- b. Pada 12 dan 17 Jun 2013, pihak Audit bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang telah mengambil sampel air di 4 lokasi di sekitar Tapak Pelupusan Pulau Burung. Tujuan sampel air diambil adalah untuk menentukan sama ada berlaku atau tidak pencemaran terhadap alam sekitar hasil daripada aktiviti pelupusan sisa pepejal. Pensampelan kualiti air diambil secara rawak di lokasi-lokasi seperti di **Gambar 1.8** hingga **Gambar 1.11**.

Gambar 1.8
Pengambilan Sampel Air Di Saliran JPS



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Saliran JPS, Tapak Pelupusan Pulau Burung
 Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 1.9
Pengambilan Sampel Air Di Laut



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Laut, Sekitar Tapak Pelupusan Pulau Burung
 Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 1.10
Pengambilan Sampel Air Di Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai, Sekitar Kawasan Tapak
Pelupusan Pulau Burung
Tarikh: 12 Jun 2013

Gambar 1.11
Pengambilan Sampel Air Di Wetland



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Wetland*, Tapak Pelupusan Pulau Burung
Tarikh: 17 Jun 2013

- c. Sampel yang diambil telah dihantar untuk diuji di Jabatan Kimia Pulau Pinang pada hari yang sama bagi memastikan sampel tidak rosak dan bacaan yang tepat diperolehi. Standard yang digunakan untuk menganalisis kualiti air sungai, laut, saluran JPS dan *wetland* ialah Jadual Kedua (Peraturan 13), Syarat-syarat Yang Boleh Diterima Bagi Pembuangan Larut Resapan, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Antara parameter utama yang digunakan oleh JAS untuk menilai kualiti air ialah jumlah sisa pepejal terampai, BOD (*Biochemical Oxygen Demand*) dan COD (*Chemical Oxygen Demand*) dan *Nitrogen Ammonia*.
- d. Hasil daripada ujian ke atas kualiti air yang dijalankan mendapati jumlah pepejal terampai di semua lokasi melebihi had piawaian yang dibenarkan iaitu antara 32% hingga 104% manakala bagi parameter *nitrogen ammonia* hanya 2 lokasi yang menunjukkan bacaan yang melebihi had yang dibenarkan iaitu antara 258% hingga 660% iaitu di saluran JPS dan *wetland*. Oleh itu, sumber air di sekeliling Tapak Pelupusan Pulau Burung telah tercemar. Butiran lanjut keputusan ujian kualiti air adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Keputusan Pensampelan Percontohan Air Berbanding Piawaian Yang Dibenarkan

Lokasi	Jenis Bahan Kimia	Nilai Bacaan Yang Dicerap (mg/L)	Had Yang Dibenarkan Mengikut Piawaian (mg/L)	Nilai Bacaan Melebihi Had Piawaian (mg/L)	Peratusan Bacaan Melebihi Had Piawaian (%)
Saliran JPS	Pepejal Terampai	95	50	45	90
	COD	242	400	-	-
	BOD	4	20	-	-
	Nitrogen Ammonia	17.9	5	12.9	258
Laut	Pepejal Terampai	66	50	16	32
	COD	316	400	-	-
	BOD	6	20	-	-
	Nitrogen Ammonia	4.4	5	-	-
Sungai	Pepejal Terampai	103	50	53	106
	COD	121	400	-	-
	BOD	4	20	-	-
	Nitrogen Ammonia	4.4	5	-	-
Wetland	Pepejal Terampai	102	50	52	104
	COD	484	400	84	21
	BOD	18	20	-	-
	Nitrogen Ammonia	38	5	33	660

Sumber: Jabatan Kimia, Pulau Pinang

- e. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia aktiviti pembangunan di tapak pelupusan manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai bertanggungjawab menyelaras segala operasi perkhidmatan oleh kontraktor Tapak Pelupusan Pulau Burung.

Pada pendapat Audit, prestasi pungutan dan pelupusan sampah secara keseluruhan adalah memuaskan. Bagaimanapun beberapa kelemahan-kelemahan yang dinyatakan perlu ditangani supaya Majlis dapat memberi perkhidmatan yang efisien kepada penduduk.

1.4.2. Kawalan Penyakit

1.4.2.1. Kelemahan dalam pengurusan pelupusan sisa pepejal juga boleh menyumbang atau menjadi antara punca merebaknya penyakit berjangkit. Laporan statistik penyakit demam denggi, cirit-birit dan malaria yang diperoleh daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mengikut daerah di bawah pentadbiran Majlis bagi tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7

Statistik Penyakit Denggi, Cirit-Birit Dan Malaria Di Kawasan Majlis Bagi Tahun 2011 Hingga Bulan Jun 2013

Bil.	Daerah	2011 (Bilangan Kes)			2012 (Bilangan Kes)			Hingga Bulan Jun 2013 (Bilangan Kes)		
		Denggi	Cirit-Birit	Malaria	Denggi	Cirit-Birit	Malaria	Denggi	Cirit-Birit	Malaria
1.	Timur Laut	828	9,550	36	257	9,872	10	84	4,601	2
2.	Barat Daya	356	953	20	236	752	5	102	322	17
Jumlah		1,184	10,503	56	493	10,624	15	186	4,923	19

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

1.4.2.2. Penyakit denggi dan malaria adalah penyakit berjangkit yang disebarkan oleh nyamuk manakala cirit-birit disebarkan oleh lalat, kekotoran, air dan keracunan makanan. Statistik menunjukkan pada tahun 2011 dan 2012, kes demam denggi, cirit-birit dan malaria banyak berlaku di Daerah Timur Laut. Sehingga bulan Jun 2013, kes penyakit denggi, cirit-birit dan malaria masih berlaku dengan cirit-birit menunjukkan bilangan kes yang tertinggi antara ketiga-tiga jenis penyakit.

1.4.2.3. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, Majlis Perbandaran Pulau Pinang mempunyai beberapa bentuk pemantauan untuk memastikan tahap kebersihan yang baik seperti perkhidmatan pungutan sisa pepejal oleh kontraktor dipantau melalui sistem *Global Positioning System (GPS)*, melancarkan kawasan tapak longgokan sampah haram dan pengisian tenaga kerja Pembantu Penguatkuasa seramai 10 orang yang telah melapor diri pada 16 Disember 2013, 2 Januari 2014 dan 15 Januari 2014.**

Pada pendapat Audit, Majlis perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan kawasan pentadbirannya sentiasa bersih untuk mengelak daripada berlakunya kejadian penyakit berjangkit terutamanya di Daerah Timur Laut.

1.4.3. Aduan Pengurusan Sisa Pepejal

1.4.3.1. Tindakan Memungut Sisa Pepejal Dalam Tempoh 24 Jam Tidak Diambil Setelah Aduan Diterima

- a. Bahagian Perhubungan Awam Majlis (BPA) adalah bertanggungjawab menyelaras setiap aduan yang diterima dan menyalurkan ke unit yang berkaitan melalui sistem e-Aduan. Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) pula bertanggungjawab menyemak semua aduan yang dirujuk oleh BPA bagi membolehkan tarikh semakan aduan dijana. Data pengadu untuk semua aduan yang diterima secara bersemuka, telefon atau e-mel akan dimasukkan ke dalam sistem e-Aduan oleh Pembantu Tadbir di BPP. Mengikut piagam pelanggan BPP, aduan mengenai sisa pepejal yang tidak dipungut pada hari pungutan akan diambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima.

- b. Semakan Audit terhadap 318 daripada 1,010 aduan mengenai sisa pepejal yang tidak dipungut pada hari pungutan bagi tempoh tahun 2011 hingga Jun 2013 mendapati 55 aduan lewat diambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima. Butirannya seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Aduan Sisa Pepejal Lewat Diambil Tindakan Dalam Jangka Masa 24 Jam Bagi Tempoh 2011 Hingga Bulan Jun 2013

Tahun	Sampel Aduan Mengenai Sisa Pepejal Yang Tidak Dipungut	Aduan Lewat Diambil Tindakan		Jumlah Kelewatan (Hari)
		Bilangan	(%)	
2011	100	24	24	1 – 3
2012	109	15	13.8	1 – 2
Hingga Bulan Jun 2013	109	16	14.7	1 – 4
Jumlah	318	55	17.3	

Sumber: Laporan Sistem e-Aduan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- c. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, Majlis telah mengambil pendekatan bahawa aduan sedemikian yang diterima oleh Bahagian Perhubungan Awam akan dirujuk terus kepada Pegawai Operasi.**

1.4.3.2. Majlis Lewat Memberi Jawapan Terhadap Aduan Yang Diterima

- a. Semua jenis aduan selain daripada aduan sisa pepejal tidak dipungut yang diterima akan diambil tindakan dalam tempoh dua hari bekerja dan jawapan akan diberi dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh penerimaan aduan. Analisis Audit terhadap Laporan KPI Bahagian yang dijana melalui sistem e-Aduan mengikut jenis aduan mendapati sebanyak 2,030 aduan berkenaan kebersihan telah diterima oleh Majlis dari tahun 2011 hingga bulan Jun 2013. Majlis telah mengambil tindakan bagi setiap aduan yang diterima dan jawapan telah diberikan kepada pengadu berkenaan.
- b. Sepanjang tempoh tersebut jenis aduan tertinggi yang diterima oleh Majlis adalah aduan berkenaan sisa pepejal tidak dipungut dan longgokkan sisa pepejal tanpa izin. Aduan berkenaan sisa pepejal tidak dipungut yang diterima adalah sebanyak 1,010 atau 49.8% daripada keseluruhan aduan yang diterima. Manakala aduan bagi longgokkan sisa pepejal tanpa izin yang diterima adalah sebanyak 539 atau 26.6%. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 253 aduan atau 12.5% telah dimaklumkan kepada pengadu dalam tempoh 3 hari daripada tarikh aduan diterima.
- c. Bagaimanapun daripada jumlah keseluruhan aduan yang diterima, sebanyak 1,777 aduan atau 87.5% dimaklumkan kepada pengadu melebihi tempoh seperti dalam ketetapan Petunjuk Prestasi Utama Majlis ialah antara 4 dan 14 hari. Butiran lanjut tempoh masa yang diambil oleh Majlis untuk memaklumkan kepada pengadu bagi setiap jenis aduan yang diterima seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9

Tempoh Masa Yang Diambil Untuk Memaklumkan Kepada Pengadu Berkaitan Aduan Kebersihan

Bil.	Jenis Aduan		KPI Dipatuhi ≤ 3 Hari (Tahun)			KPI Tidak Dipatuhi 4 Hingga 14 Hari (Tahun)			Jumlah	
			2011	2012	2013	2011	2012	2013	Bil.	%
1.	Sisa Pepejal Dan Sampah Pukal	Sisa Pepejal Tidak Dipungut	12	79	59	312	377	171	1,010	49.8
		Longgokan Sisa Pepejal Tanpa Izin	2	32	22	190	180	113	539	26.6
		Longgokan Sisa Binaan	0	10	3	69	56	24	162	8.0
		Pungutan Sisa Pepejal Tidak Mengikut Jadual	1	5	2	42	60	21	131	6.5
2.	Tong Sampah	Tiada Tong Sampah	3	8	4	48	41	10	114	5.6
		Penempatan Tong Sampah Tidak Sesuai	0	6	5	33	18	12	74	3.6
Jumlah			18	140	95	694	732	351	2,030	
			253			1,777				
Peratus (%)			12.5			87.5				

Sumber: Sistem e-Aduan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- d. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 21 Januari 2014, Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan mengambil langkah penambahbaikan untuk melancarkan urusan tindakan dan maklumbalas seperti memperluaskan akses pengguna untuk Sistem e-Aduan kepada Pegawai Operasi dan rancangan untuk menyediakan rangkaian *Smart Monitoring System* untuk penyaluran segala aduan terus kepada Pegawai Operasi.**

Pada pandangan Audit, penyelesaian aduan awam kurang cekap kerana masih terdapat kelewatan dalam menyelesaikan aduan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal Majlis dapat dipertingkatkan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Mewujudkan *Standard Operating Procedure* terhadap operasi pungutan yang dilaksanakan oleh Majlis bagi mengelakkan berlakunya pencemaran semasa pungutan dijalankan.

1.5.2. Mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

1.5.3. Menggantikan lori kompaktor yang telah rosak dan dicadangkan untuk pelupusan oleh Majlis.

1.5.4. Mengkaji semula berat sisa pepejal yang dilupuskan oleh kontraktor seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

MAJLIS SUKAN NEGERI

2. PENGGUNAAN DAN PENYENGGARAAN STADIUM NEGERI BATU KAWAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pembinaan Stadium Negeri Pulau Pinang (Stadium) di Batu Kawan telah dirancang sejak tahun 1995 sebagai stadium terbuka yang utama dan terbesar bagi Negeri Pulau Pinang. Stadium ini dibina untuk menggantikan Stadium Bandaraya bagi menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2000. Tapak seluas 150 ekar di Batu Kawan dikenal pasti untuk pembinaan Stadium baru ini. Tapak tersebut dicadangkan sebagai tapak Kompleks Sukan Negeri bukan hanya untuk sebuah stadium terbuka tetapi juga untuk penyediaan kemudahan sukan yang lain. Pada awal tahun 2000, Stadium seluas 90 ekar telah siap dibina dengan kos RM104 juta yang ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

2.1.2. Selepas tamatnya SUKMA, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk melantik PDC sebagai agensi penyenggaraan buat sementara waktu sehingga Kerajaan Negeri memutuskan bentuk dan struktur pengurusan yang sesuai bagi Stadium ini dan semua kemudahan sukan yang lain. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan, mulai tahun 2003 semua stadium, gelanggang dan kemudahan sukan di bahagian Seberang Perai diuruskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Penyerahan pengurusan Stadium kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSN) telah dilaksanakan selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 19 Disember 2008 meluluskan penyerahan pengurusan Stadium oleh MPSP kepada MSN. Penyerahan dibuat pada bulan Januari 2009. MSN telah menetapkan sasaran penggunaan Stadium sebagai satu kemudahan sosial kepada masyarakat untuk digunakan secara optimum di keseluruhan kawasan Stadium.

2.1.3. Kadar sewaan kemudahan Stadium adalah berpandukan kepada kadar sewaan sedia ada di bawah pengurusan MPSP sejak bulan April 2003. Antara kemudahan yang ada di Stadium ialah stadium terbuka dengan kapasiti tempat duduk 40,000 penonton; padang bola sepak; trek balapan dan kemudahan olahraga; tempat letak kereta, bas dan motosikal; trek litar bermotor *cub prix*; trek permainan kereta kawalan jauh; tapak pameran dan jualan; bilik media, bilik VIP, bilik perubatan dan pertolongan cemas, bilik kawalan CCTV, bilik Pusat Kawalan Polis dan lokap serta bilik mesyuarat; dan 8 buah gerai perniagaan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan bagi menilai sama ada penggunaan dan penyenggaraan Stadium Batu Kawan telah diuruskan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan tertumpu kepada penggunaan dan penyenggaraan Stadium Negeri Batu Kawan bagi tempoh 2011 hingga 2013. Bagaimanapun bagi kes-kes tertentu, data tahun 2010 juga diambil. Semakan telah dijalankan terhadap rekod, fail dan dokumen yang berkaitan di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan pejabat di Stadium Negeri Batu Kawan. Temu bual dan lawatan fizikal juga telah dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan dari bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati prestasi pengurusan penyewaan dan penyenggaraan Stadium Batu Kawan adalah di tahap kurang memuaskan walaupun prestasi penggunaan Stadium menunjukkan peningkatan sebanyak 207 kali atau 287.5% pada tahun 2013 dan 122 kali atau 169.4% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 disebabkan beberapa kelemahan seperti berikut:


- Pengurusan tempahan Stadium kurang teratur.
- Peraturan pengurusan penyewaan tapak perlumbaan *cub prix* tidak ditetapkan dan kadar sewaan Stadium tidak seragam. Begitu juga penyewaan gerai Stadium kurang memuaskan.
- Kelemahan pengurusan terimaan.
- Prestasi kontrak perkhidmatan pembersihan Stadium kurang memuaskan.
- Terdapat kerosakan kemudahan, peralatan dan persekitaran Stadium.
- Aspek keselamatan Stadium kurang memuaskan.

2.4.1. Prestasi Penggunaan Stadium

MSN mensasarkan penggunaan Stadium secara optimum sama ada di dalam stadium ataupun di perkarangan tempat letak kenderaan. Stadium ini akan terus dibangunkan dan dikekalkan penggunaannya sebagai sebuah stadium komuniti yang aktif dan dinamik untuk menggalakkan penyertaan masyarakat khususnya di kalangan generasi muda untuk bersukan. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Stadium telah digunakan untuk pelbagai acara antaranya bola sepak, olahraga, perlumbaan *cub prix*, karnival, ekspo, pameran, hari keluarga dan perhimpunan. Semakan Audit terhadap penggunaan Stadium mendapati perkara berikut:

2.4.1.1. Analisis Penyewaan Stadium

Bilangan penggunaan Stadium menunjukkan peningkatan dari tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Carta 2.1**. Bagaimanapun dari segi pendapatan yang diperoleh hasil dari penyewaan menunjukkan penurunan pada tahun 2012 berbanding 2011 dan 2013 seperti di **Carta 2.2**.



Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang



Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- a. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, MSN telah menerima sebanyak 545 tempahan penyewaan. Berdasarkan **Carta 2.1** di atas, didapati prestasi penggunaan Stadium meningkat sebanyak 207 kali atau 287.5% pada tahun 2013 dan 122 kali atau 169.4% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Manakala mengikut **Carta 2.2**, analisis Audit mendapati hasil penyewaan telah menurun sejumlah RM62,000 atau 37.6% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Bagaimanapun pada tahun 2013 hasil penyewaan telah meningkat sejumlah RM95,000 atau 92.2% berbanding tahun 2012.
- b. Semakan Audit mendapati punca penurunan hasil penyewaan pada tahun 2012 ialah tiada penyewaan yang melibatkan acara besar yang berlangsung di Stadium berbanding tahun 2011 dan 2013. Penyewaan bagi acara besar yang diadakan pada tahun 2011 dan 2013 telah menyumbang sebanyak 53.3% dan 60.6% daripada keseluruhan hasil yang diperoleh pada tahun-tahun tersebut. Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada penurunan hasil tahun 2012 ialah jumlah kutipan bagi penyewaan padang bola sepak yang diperoleh adalah rendah walaupun kemudahan padang bola sepak merupakan penggunaan yang paling kerap disewa berbanding kemudahan lain pada tahun 2011 hingga 2013 disebabkan kadar sewaan yang dikenakan adalah rendah. Butirannya seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Analisis Penyewaan Stadium Mengikut Jenis Penggunaan

Tahun	Padang Bola		Trek Balapan		Tapak		Silambam	
	Bil. Sewaan	Amaun (RM)	Bil. Sewaan	Amaun (RM)	Bil. Sewaan	Amaun (RM)	Bil. Sewaan	Amaun (RM)
2011	50	29,095	5	5,200	15	130,800	2	0
2012	163	55,700	10	9,775	19	37,250	2	0
2013	255	54,530	4	5,250	18	137,830	2	0
Jumlah	468	139,325	19	20,225	52	305,880	6	0

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- c. Berdasarkan **Jadual 2.1** di atas, didapati sebanyak 468 atau 85.9% daripada keseluruhan 545 penyewaan dari tahun 2011 hingga 2013 adalah untuk penggunaan padang bola sepak yang menyumbangkan hasil sejumlah RM139,325 bagi tempoh tersebut. Hasil penyewaan kemudahan Stadium yang rendah tidak dapat menampung kos perbelanjaan Stadium seperti di **Jadual 2.2**. Kos perbelanjaan Stadium hanya dapat ditampung melalui sewaan gerai Stadium berjumlah RM11,520 setahun, geran penyenggaraan Stadium daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM600,000 setahun dan sumber pendapatan MSN yang lain seperti sumbangan, kutipan Pusat Latihan dan Pemberian Kerajaan Negeri.

Jadual 2.2
Analisis Hasil Berbanding Kos Perbelanjaan Stadium

Bil.	Tahun	(a) Hasil Sewaan Kemudahan (RM)	(b) Hasil Sewaan Gerai (RM)	(c) Geran Penyenggaraan (RM)	(d) Kos Perbelanjaan (RM)	(a)+(b)+(c)-(d) Perbezaan (RM)
1.	2011	165,095	11,520	600,000	1,063,314	(286,699)
2.	2012	102,725	11,520	600,000	659,263	54,982
3.	2013	197,610	11,520	600,000	798,037	11,093
Jumlah		465,430	34,560	1,800,000	2,520,614	(220,624)

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- d. Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 3 dan 15 Januari 2014, sewaan penggunaan padang bola sepak hanya ditempah untuk penggunaan pada waktu siang dari jam 5 ke 7 petang yang berjumlah RM125 untuk 2 jam pertama. MSN mengguna pakai kadar harga yang diluluskan bagi penggunaan padang bola sepak sejak pengurusan Stadium di bawah MPSP pada tahun 2003. Bagaimanapun selepas pengambilalihan pengurusan Stadium, MSN telah berjaya meningkatkan kuantiti penggunaan padang bola sepak. Perbelanjaan meningkat disebabkan bil utiliti sejak tahun 2010 yang memberi kesan kepada pendapatan Stadium. Namun usaha penambahbaikan dan penjimatan yang dilaksanakan, bil bekalan elektrik telah berjaya dikurangkan setiap tahun. Bagi bil bekalan air, MSN sedang memantau kebocoran paip bawah tanah yang mendorong kepada peningkatan perbelanjaan dan tindakan sedang diambil untuk mengenal pasti punca serta lokasi kebocoran. Bagi tahun 2014, MSN telah memperhalusi kadar sewaan kepada kumpulan pengguna yang berlainan pertubuhan dan jenis penggunaan dalam usaha MSN menjana hasil penyewaan bagi menampung kos perbelanjaan Stadium. Selain itu, MSN juga telah melaksanakan promosi yang terbaik untuk meningkatkan penyewaan bagi penggunaan Stadium.

2.4.1.2. Pengurusan Tempahan Stadium Kurang Teratur

- a. Berdasarkan borang tempahan Stadium, permohonan hendaklah sampai ke MSN untuk pertimbangan dan kelulusan dalam tempoh seminggu sebelum tarikh penggunaan. Segala tempahan untuk penggunaan Stadium perlu dibuat secara rasmi

melalui pejabat pengurusan di Stadium ataupun secara terus kepada MSN. Semua tempahan akan direkodkan dalam Daftar Tempahan yang diselenggarakan di Stadium. Semua pembayaran sewaan ataupun wang cagaran penggunaan perlu disediakan sama ada dalam bentuk tunai, wang pos atau cek atas nama MSN untuk tujuan pengeluaran resit rasmi. Pengguna perlu menunjukkan resit atau surat kebenaran atau kelulusan sebelum menggunakan segala kemudahan di Stadium. Setelah bayaran diterima daripada penyewa, Penyelia Stadium akan memaklumkan kepada MSN melalui memo yang mempunyai maklumat tentang penyewa seperti tarikh penyewaan dan jumlah terimaan wang.

- b. Semakan Audit mendapati sejumlah RM158,828 telah diterima daripada penyewa selepas tarikh penggunaan Stadium iaitu kelewatan antara 2 dan 196 hari. Ini bermakna pengguna telah dibenarkan menggunakan Stadium sebelum membuat bayaran penyewaan, manakala sejumlah RM46,900 tidak dapat disahkan sama ada pembayaran dibuat sebelum atau selepas penggunaan kerana maklumat lengkap tidak diperolehi. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Analisis Tempoh Kelewatan Bayaran Penggunaan

Tahun	Bilangan Kes Lewat Bayaran			RM	Tiada Maklumat	
	Tempoh Kelewatan (Hari)				Bilangan Kes	RM
	2 - 67	68 - 133	134 - 196			
2011	5	3	-	95,725	18	29,275
2012	62	3	1	51,528	10	13,625
April 2013	23	-	-	11,575	6	4,000
Jumlah	90	6	1	158,828	34	46,900

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- c. **Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 3 dan 15 Januari 2014, setiap penyewaan telah dibayar selepas tamatnya penggunaan dan tidak mempunyai status penghutang. Borang tempahan tidak lagi digunakan mulai bulan November 2011 di mana semua tempahan untuk penyewaan dilaksanakan melalui permohonan secara rasmi dan penetapan syarat seminggu sebelum penggunaan tidak lagi digunakan. Usaha ini dilakukan bagi mengurangkan karenah birokrasi serta meningkatkan integriti prosedur tempahan. Kelewatan yang berlaku melebihi tempoh 100 hari adalah kerana ada tempahan yang diterima melalui Pesanan Tempatan dan ada penggunaan yang terpaksa diteruskan walaupun bayaran belum diterima memandangkan Stadium menjadi lokasi utama pertandingan di Pulau Pinang. Sebagai kawalan tambahan, pegawai atasan MSN telah melaksanakan pemeriksaan secara berkala mulai bulan Januari 2014 sebagai penambahbaikan rekod dan daftar tempahan di Stadium.**

2.4.1.3. Peraturan Pengurusan Penyewaan Tapak Perlumbaan *Cub Prix* Tidak Ditetapkan

- a. MSN mula bekerjasama dengan penganjur perlumbaan *cub prix* di Stadium sejak tahun 2009. Perlumbaan ini melibatkan kawasan tapak B, D, F dan litar *cub prix* di Stadium. Pada awal penggunaan tapak-tapak tersebut pada tahun 2009, pihak penganjur perlumbaan tidak dikenakan sebarang caj penyewaan dan deposit penggunaan. Bagaimanapun pada tahun 2011, bagi penggunaan tempat letak kenderaan iaitu tapak C, pengunjung perlumbaan tersebut telah dikenakan bayaran letak kereta oleh MSN sebanyak RM2 untuk kereta dan RM1 untuk motosikal. Mengikut pegawai MSN, urusan kutipan letak kenderaan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Keselamatan Kampung Batu Kawan (JKKKBK). Mulai tahun 2012, penggunaan tapak-tapak ini telah dikenakan caj penyewaan berjumlah RM5,500 bagi setiap kali penyewaan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berhubung dengan pengurusan penyewaan seperti di bawah:
- Caj penggunaan tempat kenderaan diuruskan oleh JKKKBK tanpa kelulusan secara bertulis. Menurut MSN, kelulusan ini diputuskan melalui Mesyuarat Penyelarasan Kejuaraan *Cub Prix* Malaysia, bagaimanapun semakan mendapati tiada bukti kelulusan dinyatakan dalam minit mesyuarat tersebut.
 - Kelulusan penetapan kadar caj letak kenderaan tidak dapat disahkan menyebabkan pengunjung yang datang telah dikenakan caj letak kereta (RM2) dan motosikal (RM1) oleh pihak JKKKBK menggunakan resit tanpa nombor siri seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

Gambar 2.1
Resit Kutipan Letak Kereta RM2 Yang Digunakan Tidak Bernombor Siri



Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.2
Resit Kutipan Letak Motosikal RM1 Yang Digunakan Tidak Bernombor Siri



Sumber: Jabatan Audit Negara

- Tiada syarat ditetapkan kepada JKKKBK dari segi bilangan pekerja yang dibenarkan diambil bekerja, surat kuasa membenarkan kutipan letak kereta dan motosikal dibuat oleh JKKKBK, resit kutipan yang dibenarkan dan kos-kos lain yang perlu di ambil kira sebelum jumlah kutipan diserahkan kepada MSN.

- iv. Pembahagian hasil kutipan tempat letak kereta dan motosikal secara 50:50 antara MSN dan JKKKBK dibuat tanpa kelulusan bertulis. MSN memaklumkan keputusan ini dibuat melalui Mesyuarat Penyelarasan Kejuaraan *Cub Prix* Malaysia tetapi tiada bukti dinyatakan dalam mesyuarat tersebut. Kutipan ini dibahagi setelah kos pekerja dan lain-lain kos ditolak daripada jumlah kutipan tersebut. Kutipan yang diterima dan serahan adalah seperti di **Jadual 2.4**. Bagi penggunaan tapak *cub prix* pada tahun 2009 dan 2010, tiada kutipan diterima kerana tidak dikenakan sebarang caj.

Jadual 2.4
Kutipan Dan Serahan Bayaran Letak Kereta Oleh JKKKBK

Bil.	Tarikh Acara	Jumlah Kutipan (RM)	Kos Pekerja dan Lain-lain (RM)	Baki (RM)	Jumlah Serahan 50% ke MSN (RM)
1.	15 - 16 April 2011	4,165	1,525	2640	1,320
2.	31 Mac – 1 April 2012	3,588	1,320	2268	1,134
3.	1 – 2 Dis 2012	3,902	1,560	2342	1,171
4.	6 – 7 April 2013	3,590	1,680	1910	955
Jumlah		15,245	6,085	9,160	4,580

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- v. Deposit penggunaan tidak dikenakan kepada penganjur perlumbaan. Berbanding dengan perlumbaan *cub prix* yang dijalankan oleh penganjur yang sama di kawasan kendalian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain, pihak PBT tersebut telah menetapkan syarat-syarat penggunaan berserta deposit yang dikenakan. Tanpa deposit akan menyebabkan sebarang kerosakan yang berlaku perlu ditanggung oleh MSN.
- vi. Tiada bukti semakan dibuat oleh MSN setelah kutipan diserahkan oleh JKKKBK bagi mengesahkan ketepatan kutipan tersebut. Mengikut Penyata Serahan JKKKBK bagi perlumbaan *cub prix* pada 6 hingga 7 April 2013 di Stadium, kutipan adalah berjumlah RM3,590 berbanding kiraan Audit berjumlah RM3,517. Semakan lanjut mendapati bilangan helaian resit pada setiap buku resit berbeza seperti di **Jadual 2.5**. Perbezaan bilangan helaian resit ini boleh membuka ruang penyelewengan kutipan tempat letak kenderaan.

Jadual 2.5
Perbezaan Bilangan Helaian Resit Pada Setiap Buku Resit

Jenis Resit	Bilangan Helaian Resit	Bilangan Buku Resit
Kereta	50	25
	48	1
	42	1
	37	1
	38	1
Motosikal	100	4
	99	2
	89	1

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- b. Berdasarkan maklum balas MSN bertariikh 3 dan 15 Januari 2014, melalui Mesyuarat Penyelarasan Cub Prix 2009 ianya telah memutuskan pengendalian urusan tempat letak kereta dilaksanakan oleh JKKBK bagi melancarkan pergerakan lalu lintas dan parkir di mana sebahagian daripada kadar yang dikutip akan disumbangkan kepada pihak MSN untuk tujuan pembangunan sukan negeri. Pihak JKKBK juga melalui mesyuarat yang sama dibenarkan untuk melaksanakan pengeluaran resit. Bagi meningkatkan ketelusan pengutipan hasil di masa hadapan, MSN akan memaklumkan kepada JKKBK supaya memperkenalkan kaedah pengeluaran resit bersiri bagi mendorong usaha integriti dan akauntabiliti. Bagi mengelakkan tanggungan kepada MSN, MSN akan menyediakan penyewaan dengan deposit penggunaan sebanyak 30% daripada kadar sewaan asal untuk setiap kawasan yang digunakan.

2.4.1.4. Kelemahan Pengurusan Terimaan

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 60(i) menghendaki resit rasmi dikeluarkan sebagai akuan terima wang. Manakala AP 60(ii) menetapkan resit rasmi hendaklah dikeluarkan pada masa urusan dibuat. Semakan Audit mendapati terimaan berjumlah RM25,195 tidak dikeluarkan resit rasmi kepada penyewa Stadium seperti di **Jadual 2.6**. Manakala sejumlah RM201,609 terimaan lewat dikeluarkan resit antara 2 dan 121 hari seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.6
Analisis Terimaan Tanpa Resit

Tahun	Tanpa Resit	
	Bilangan Kes	RM
2011	27	21,445
2012	-	-
April 2013	4	3,750
Jumlah	31	25,195

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

Jadual 2.7
Analisis Terimaan Lewat Dikeluarkan Resit

Tahun	Bilangan Kes			RM
	Tempoh Kelewatan (Hari)			
	2 - 42	43 - 83	84 - 121	
2011	7	-	-	120,050
2012	108	9	7	65,009
April 2013	67	-	-	16,550
Jumlah	182	9	7	201,609

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- b. Perkara ini berlaku disebabkan hanya seorang pegawai yang diberi kuasa menerima wang kutipan di Stadium dan beliau perlu berurusan dengan pihak ibu pejabat MSN bagi pengeluaran resit rasmi. Selain itu terdapat penyewa yang memasukkan wang

ke bank dan lewat memaklumkan kepada pihak MSN. Kelemahan ini boleh membuka ruang kehilangan hasil sewaan Stadium.

- c. **Berdasarkan maklum balas MSN pada 3 dan 15 Januari 2014, kelemahan pengurusan terimaan akan dipastikan tidak berulang dan setiap penyewaan akan dipantau. Sekiranya berlaku tunggakan hutang, MSN akan memastikan pembayaran dilakukan oleh pengguna yang bertanggungjawab. Maklumat pembayaran secara *direct bank in* oleh penyewa hanya dikesan pada akhir tahun semasa penutupan akaun dan penyediaan penyata penyesuaian bank. Sebagai langkah penambahbaikan, MSN mula melaksanakan proses penyesuaian bank secara bulanan dan resit dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, MSN juga akan melaksanakan semakan berkala terhadap buku daftar dengan pembayaran yang diterima.**

Pada pendapat Audit, pengurusan tempahan Stadium adalah kurang memuaskan disebabkan pembayaran selepas penggunaan dan kelemahan dalam pengurusan tapak perlumbaan *cub prix* serta kawalan terimaan.

2.4.2. Kadar Penyewaan Stadium Tidak Seragam

2.4.2.1. Kemudahan yang terdapat di Stadium seperti tempat letak kereta, kawasan lapang, padang bola sepak, trek balapan dan litar *cub prix* telah dimanfaatkan oleh MSN untuk disewakan. Penggunaannya tertakluk kepada kadar sewaan yang ditetapkan oleh MSN. Kadar penyewaan Stadium yang digunakan oleh MSN adalah berdasarkan kadar harga sewaan yang ditetapkan oleh MPSP sebelum pengambilalihan oleh MSN. Semakan Audit mendapati 7 penyewaan Stadium yang dikenakan kepada penyewa tidak mengikut kadar yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.8** dan tiada surat kebenaran pengecualian bayaran diberi kepada penyewa berkenaan daripada MSN.

Jadual 2.8
Penyewaan Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan

Bil.	Tujuan Penggunaan	Kemudahan Disewa	Caj Dikenakan	Caj Sepatutnya Mengikut Kiraan Audit (Kadar Biasa)	Beza
			(RM)	(RM)	(RM)
1.	<i>Ride It Right</i>	Tapak B, D dan Trek <i>Cub Prix</i>	3,000	4,000	1,000
2.	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Trek <i>Cub Prix</i>	0	3,000	3,000
	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Tapak D, F, B	0	45,000	45,000
3.	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Tapak D, F, B,	5,500	30,000	24,500
	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Trek <i>Cub Prix</i>	0	3,000	3,000
4.	Latihan Pemanduan <i>Defensive</i>	Tapak C	1,500	9,000	7,500
5.	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Tapak D, F, B,	5,500	6,000	500
	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Trek <i>Cub Prix</i>	0	3,000	3,000

Bil.	Tujuan Penggunaan	Kemudahan Disewa	Caj Dikenakan	Caj Sepatutnya Mengikut Kiraan Audit (Kadar Biasa)	Beza
			(RM)	(RM)	(RM)
6.	Pameran	Tapak C	1,000	2,000	1,000
7.	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Tapak D, F, B,	5,500	6,000	500
	Perlumbaan <i>Cub Prix</i>	Trek <i>Cub Prix</i>	0	3,000	3,000
Jumlah			22,000	114,000	92,000

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

2.4.2.2. Berdasarkan maklum balas MSN pada 3 dan 15 Januari 2014, penyewaan untuk perlumbaan *cub prix* adalah ditentukan oleh YB Exco Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang bagi keseluruhan kawasan perkarangan Stadium dan tidak diasingkan kos sewaan mengikut tapak. Kos sewaan yang dikenakan adalah pada kadar nilai komersial. Kadar sewaan tahun 2014 telah diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan MSN. Langkah ini diambil bagi memastikan keseragaman kadar penyewaan untuk setiap lokasi yang ditempah.

2.4.2.3. Semakan Audit seterusnya mendapati caj penggunaan beberapa lokasi di Stadium yang dikenakan kepada penyewa tidak dinyatakan dalam kadar harga sewaan MSN. Contohnya seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Caj Penggunaan Yang Tidak Dinyatakan Dalam Kadar Harga Sewaan MSN

Bil.	Lokasi	Tarikh Penggunaan	Catatan
1.	Ruang Legar <i>Wing A</i>	24.05.2011	Caj dikenakan RM500
2.	Tingkat 1 dan Caj Tandas	18.01.2011	Caj dikenakan RM300
3.	Trek <i>Cub Prix</i>	01.01.2011 - 02.01.2011	Caj dikenakan RM1,500
		10.04.2011 - 24.04.2011	Tiada caj dikenakan
		31.03.2012 - 01.04.2012	Tiada caj dikenakan untuk trek <i>cub prix</i> hanya caj pembersihan (RM250) dan caj utiliti (RM250) dikenakan
		01.12.2012 - 02.12.2012	Tiada caj dikenakan untuk trek <i>cub prix</i> hanya caj pembersihan (RM250) dan caj utiliti (RM250) dikenakan
		06.04.2013 - 07.04.2013	Tiada caj dikenakan untuk trek <i>cub prix</i> hanya caj pembersihan (RM250) dan caj utiliti (RM250) dikenakan
4.	Bilik Persalinan	07.04.2012	Caj dikenakan secara <i>lump sum</i>
5.	Perkarangan Stadium	25.02.2012	Caj dikenakan RM10,000
6.	Caj Pembersihan	26.11.2011	Caj dikenakan RM500
		25.01.2011	Caj dikenakan RM200
7.	Bilik Pengadil	07.04.2012	Caj dikenakan secara <i>lump sum</i>
8.	Caj Utiliti	25.02.2012	Caj dikenakan RM2,000
		18.01.2011	Caj dikenakan RM200

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

2.4.2.4. Berdasarkan maklum balas MSN pada 3 dan 15 Januari 2014, penggunaan kawasan ini adalah secara *ad hoc* dan akan disemak untuk penetapan kadar sewaan yang baru. Caj penggunaan di beberapa lokasi yang tiada dalam kadar sewaan adalah kerana lokasi ruang legar *wing A* adalah merupakan laluan awam bagi membiayai caj kerja pembersihan kepada pengguna lokasi tersebut. Manakala bagi trek *cub prix*, trek tersebut adalah laluan jalan utama menuju ke pintu masuk dan hanya digunakan untuk perlumbaan *cub prix* sahaja. Penggunaan bilik persalinan dan bilik pengadil pula dibayar secara *lump sum* untuk perlawanan bola sepak. Caj utiliti dikenakan kepada penganjur untuk pembayaran penggunaan elektrik bagi sistem siaraya, lampu, kipas dan *aircond blower* bagi program yang dikendalikan oleh penyewa. Caj pembersihan dikenakan memandangkan terdapat permintaan daripada penyewa untuk menggunakan beberapa lokasi yang berlainan di Stadium.

2.4.2.5. Keadaan ini berlaku kerana tiada kajian semula terhadap kadar sewaan yang diguna pakai serta lokasi yang boleh disewakan semenjak pengambilalihan pengurusan Stadium pada tahun 2009. Ini telah menyebabkan MSN kehilangan hasil dianggarkan sejumlah RM92,000 seperti di **Jadual 2.8**.

2.4.2.6. Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 3 Januari 2014, hasrat utama MSN dalam pengambilalihan pengurusan Stadium adalah membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengubah imej gajah putih yang telah dilabelkan ke atas Stadium yang tidak digunakan sepenuhnya semenjak penganjuran SUKMA pada tahun 2000. MSN berpuas hati dengan kadar sewaan yang telah ditetapkan oleh MPSP sebelum ini dan berpendapat bahawa kadar ini adalah munasabah untuk menghidupkan kembali Stadium sebagai stadium komuniti.

Pada pendapat Audit, kadar penyewaan adalah kurang memuaskan kerana kadar yang dikenakan kepada penyewa adalah berbeza dan tidak seragam serta tiada dalam kadar harga yang digunakan oleh MSN.

2.4.3. Penyewaan Gerai Stadium Kurang Memuaskan

Stadium mempunyai 8 buah gerai. Pemilihan penyewa dan kadar sewaan gerai telah dibuat semasa Stadium di bawah pengurusan MPSP. Pada tahun 2009, pengurusan Stadium termasuk gerai telah diserahkan kepada MSN oleh MPSP. Sumber kewangan Stadium antaranya adalah kutipan sewa 8 buah gerai. Hasil kutipan setahun sewaan gerai berjumlah RM11,520 di mana setiap gerai disewakan dengan kadar RM120 sebulan termasuk bekalan air dan elektrik. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.4.3.1. Perjanjian Penyewaan Tidak Disediakan

- a. Akta Kontrak 1949 menghendaki kontrak dibuat secara bertulis antara kedua-dua pihak yang terlibat. Penyewaan gerai telah berlaku sejak pengurusan Stadium diletakkan di bawah MPSP pada tahun 2003. Setelah pengambilalihan pengurusan

Stadium daripada MPSP, penyewaan gerai telah diuruskan oleh MSN dengan mengekalkan penyewa dengan kadar sewaan sedia ada. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian bertulis yang ditandatangani antara 8 penyewa dan MSN. MSN hanya mengeluarkan borang maklumat penyewa sahaja serta surat pemberitahuan pengambilalihan Stadium. Perkara ini berlaku kerana MSN menganggap keputusan mesyuarat pengambilalihan Stadium pada tahun 2009 yang bersetuju meneruskan penyambungan sewaan gerai yang didaftarkan atas nama penyewa bersama MPSP telah memadai. Kelemahan ini telah mengakibatkan perkara berikut berlaku:

- i. Lawatan Audit mendapati ada pengusaha gerai telah menyewakan gerai kepada penyewa lain seperti di **Gambar 2.3** walaupun Peraturan Penggunaan Serta Sewaan Stadium MSN menetapkan penyewa tidak dibenarkan menyewa semula kepada orang lain.



Gambar 2.3
Gerai Yang Disewakan Kepada Pihak Ketiga

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 15 Mei 2013

- ii. Deposit penyewaan bersamaan tiga bulan sewa berjumlah RM2,880 telah dibayar oleh 8 pengusaha gerai tersebut kepada MPSP belum diserahkan kepada MSN kerana sehingga tarikh pengauditan MSN belum memohon MPSP berbuat demikian.
- b. Kepentingan kedua-dua pihak tidak dapat dilindungi dari segi undang-undang serta syarat-syarat penyewaan tidak dapat dikuatkuasakan. Ketiadaan perjanjian antara penyewa dan MSN menunjukkan penyewa tidak terikat kepada peraturan-peraturan penyewaan.
 - c. **Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 15 Januari 2014, penyewa merupakan penyewa asal yang menjalankan perniagaan dan penyewaan gerai kepada pihak ketiga berlaku semasa pengurusan gerai di bawah MPSP. Selain itu, MSN sedang meneliti terma dan syarat-syarat perjanjian bagi penyewaan gerai dan akan dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk kelulusan sebelum kontrak ditandatangani. MSN telah memohon secara rasmi kepada MPSP untuk menyerahkan deposit sewaan gerai kepada MSN.**

2.4.3.2. Kadar Sewaan Gerai Tidak Mengikut Penilaian Semasa

- a. Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah membuat penilaian kadar sewaan gerai perniagaan di Stadium berdasarkan nilai semasa. Semakan Audit mendapati kadar sewaan yang dikenakan kepada penyewaan gerai berbeza dengan kadar sewaan yang dinilai oleh JPPH seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Kadar Sewaan Gerai Berbeza Dengan Kadar Penilaian Semasa

Bil.	Nombor Gerai	Kadar Sewaan Sebulan (RM)	Kadar Penilaian Sewa Semasa Sebulan (RM)	Perbezaan Sebulan (RM)
1.	1	120	200	80
2.	4	120	350	230
3.	5	120	200	80
4.	6	120	200	80
5.	7	120	200	80
6.	8	120	200	80
7.	9	120	200	80
8.	10	120	250	130
Jumlah		960	1,800	840

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

- b. Kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa berjumlah RM120 sebulan adalah termasuk bekalan air dan elektrik. Lawatan Audit mendapati semua penyewa menggunakan peralatan elektrik seperti peti sejuk beku, *chiller* dan terdapat penyewa yang menggunakan elektrik sepanjang waktu perniagaan sehingga tengah malam. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah penggunaan air dan elektrik bagi setiap gerai disebabkan tiada meter berasingan dipasang dan bil utiliti dibayar sepenuhnya oleh MSN. Contoh penggunaan peralatan elektrik adalah seperti di **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.9**.

Gambar 2.4
Peralatan Elektrik Bagi Gerai 1
Dan Berniaga Sehingga Tengah Malam



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.5
Peralatan Elektrik Bagi Gerai 4



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.6
Peralatan Elektrik Bagi Gerai 6



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.7
Peralatan Elektrik Bagi Gerai 7 Dan 8



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.8
Peralatan Elektrik Bagi Gerai 9



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.9
Peralatan Elektrik Bagi Gerai 10



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 15 Mei 2013

- c. Kadar sewa yang dinilai oleh JPPH pada bulan Mei 2013 adalah bagi tempoh 2 tahun termasuk bekalan air dan elektrik adalah antara RM200 dan RM350. Kadar sewaan MSN berbeza dengan nilai oleh JPPH kerana MSN tidak membuat penilaian kadar sewaan setelah pengambilalihan pengurusan Stadium daripada MPSP. Perbezaan ini telah menyebabkan MSN telah kehilangan anggaran hasil berjumlah RM10,080 bagi tempoh setahun.
- d. **Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 15 Januari 2014, setakat ini MSN tidak berhasrat untuk menaikkan kadar sewaan gerai seperti yang telah ditentukan oleh MPSP memandangkan usaha MSN adalah bagi membantu usahawan setempat yang berpendapatan rendah meningkatkan sosio ekonomi. Bagaimanapun bagi memastikan kesaksamaan penyewa dan melindungi kepentingan MSN, MSN akan mengasingkan meter bagi bekalan air dan elektrik di gerai-gerai berkenaan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan penyewaan gerai Stadium adalah kurang memuaskan kerana penyewa tidak terikat dengan MSN disebabkan perjanjian baru tidak disediakan dan kadar sewaan yang rendah berbanding kadar sewaan semasa.

2.4.4. Prestasi Kontrak Perkhidmatan Pembersihan Stadium Kurang Memuaskan

2.4.4.1. Kontrak pembersihan Stadium telah ditandatangani antara MSN dan kontraktor berjumlah RM264,000 mulai 1 Julai 2009 untuk tempoh 2 tahun. Mengikut kontrak tersebut jadual kerja pembersihan dan kekerapan kerja yang dijalankan perlu dipatuhi dan sebarang perubahan jadual kerja pembersihan dan kekerapan kerja perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Sebut Harga asal. MSN juga berhak menamatkan kontrak dalam tempoh dua puluh empat (24) jam sekiranya prestasi kontraktor kurang memuaskan dan sebarang pelanggaran yang ditetapkan dalam perjanjian akan dikenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) sebanyak RM100 sehari daripada bayaran bulanan kontrak bagi setiap kali pelanggaran kontrak dibuat.

2.4.4.2. Semakan Audit terhadap prestasi kerja kontraktor mendapati jadual kerja pembersihan dan kekerapan kerja yang dijalankan tidak mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian. Contohnya adalah seperti di **Jadual 2.11**. Bagaimanapun LAD atau surat peringatan tidak dikeluarkan kepada kontraktor terhadap kerja-kerja yang tidak mengikut jadual oleh pihak MSN. Perubahan jadual kerja pembersihan dan kekerapan kerja ini juga tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk kelulusan sebaliknya hanya diluluskan di peringkat MSN sahaja. Selain itu, penilaian prestasi kerja pihak kontraktor ada dibuat secara bulanan. Semakan mendapati prestasi kerja kontraktor yang dinilai oleh MSN adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.11

Perbandingan Kerja Pembersihan Antara Perjanjian Dan Laporan Mingguan

Bil.	Lokasi	Jenis Kerja	Kekerapan Yang Dijalankan	
			Perjanjian	Laporan Mingguan
1.	Kawasan terbuka Stadium:			
	a) Tempat Duduk (<i>Grand Stand</i>)	Mencuci, mengelap dan mengutip sampah	Selang sehari / bila perlu	Seminggu sekali / bila perlu
	b) Tempat Duduk Teres	Membersih dan mengutip sampah	Selang sehari/bila perlu	2 minggu / sebulan sekali /bila perlu
2.	Bilik <i>Doping</i>	Mencuci, mengelap dan mengutip	2 kali seminggu	Seminggu sekali / bila perlu
3.	Bilik Delegasi I & II	Membersih, mengelap dan mengutip	2 kali seminggu	Tiada dalam laporan mingguan
4.	Bilik Kaunter Tiket	Membersih, mengelap dan mengilap	Sekali seminggu	2 minggu /sebulan sekali /bila perlu
5.	Bilik Tempahan	Membersih dan 'vacuum'	Setiap hari	2 minggu /sebulan sekali /bila perlu
6.	Bilik <i>Secretariat</i>	Membersih, mengelap dan mengilap	Setiap hari	2 minggu / sebulan sekali /bila perlu
7.	Bilik Penyelia Stadium	Membersih dan 'vacuum'	Setiap hari	Seminggu sekali / bila perlu
8.	Bilik Serbaguna	Membersih, mengelap dan mengilap	Setiap hari	Seminggu sekali / bila perlu
9.	Bilik Siaraya (<i>PA System</i>)	Membersih dan 'vacuum'	2 kali seminggu	Seminggu sekali / bila perlu
10.	Tandas	Membersih, mencuci tandas termasuk lantai, pintu, cermin, tingkap, sinki, mangkuk tandas dan kelengkapan sedia ada	Setiap hari (semua tandas di Stadium)	Setiap hari (tandas lobi)

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

Jadual 2.12

Prestasi Kerja Kontraktor Yang Dinilai Oleh MSN

Bil.	Bulan / Tahun Laporan	Bilangan Jenis Kerja		
		Memuaskan	Tidak Memuaskan	Jumlah
1.	Januari 2011	7	8	15
2.	Mac 2011	7	8	15
3.	November 2011	6	9	15
4.	Disember 2011	6	9	15
5.	Januari 2012	5	10	15
6.	Februari 2012	5	10	15
7.	Mac 2012	0	15	15
8.	April 2012	0	15	15
9.	Jun 2012	10	5	15

Sumber: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

2.4.4.3. Antara faktor berlakunya kerja yang dijalankan tidak mengikut jadual adalah disebabkan Penyelia Stadium tidak diberikan sesalanan jadual kerja pembersihan yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor mengikut perjanjian. Penyelia Stadium juga memaklumkan beliau membuat jadual kerja berdasarkan keutamaan kerja-kerja di Stadium. Selain itu kurangnya pemantauan terhadap kerja pembersihan dan kekerapan kerja yang dijalankan oleh kontraktor juga menyebabkan berlakunya perkara ini. Pembayaran bulanan berjumlah RM11,000 masih dibuat sepenuhnya walaupun kerja pembersihan yang dijalankan oleh kontraktor didapati tidak meliputi semua kawasan yang ditetapkan dalam perjanjian.

2.4.4.4. Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 3 dan 15 Januari 2014, kontrak lama telah ditamatkan dan panggilan sebut harga baru telah dibuat pada penghujung tahun 2013. Panggilan ini telah diiklankan pada 18 November 2013 dalam sistem ePerolehan dan telah berada di peringkat akhir menunggu proses pengeluaran surat tawaran kepada kontraktor yang berjaya. Kontrak baru akan bermula pada bulan Februari 2014. Selain itu, pegawai Stadium akan memastikan semua syarat-syarat dipatuhi oleh kontraktor baru yang dilantik mulai tahun 2014.

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh MSN menyebabkan prestasi kontrak pembersihan Stadium di tahap kurang memuaskan dan bayaran penuh dibuat walaupun kekerapan kerja pembersihan tidak mengikut jadual yang dipersetujui.

2.4.5. Keadaan Fizikal Kemudahan, Peralatan Dan Persekitaran Stadium

2.4.5.1. Lawatan Audit mendapati berlaku kerosakan kemudahan dan peralatan Stadium serta keretakan dan mendapan di kawasan Stadium. Contohnya adalah seperti di **Gambar 2.10** hingga **Gambar 2.16**.

Gambar 2.10
Karpet Di Bilik VVIP Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013

Gambar 2.11
Siling Yang Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013

Gambar 2.12
Peralatan Siaraya Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013

Gambar 2.13
Penghawa Dingin Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 19 Mac 2013

Gambar 2.14
Keretakan Di Lantai Stadium



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013

Gambar 2.15
Interlocking Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013

Gambar 2.16
Tanah Mendap Di Tepi Parit Dalam Stadium



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Batu Kawan
Tarikh: 26 Mac 2013

2.4.5.2. Kerosakan kemudahan dan peralatan Stadium adalah disebabkan oleh masalah kebocoran sedia ada. Kontrak kerja-kerja kalis air dan *expansion joint* telah dilaksanakan pada tahun 2010 berjumlah RM2,740,880 namun tidak dapat menyelesaikan masalah kebocoran tersebut. Mengikut kontrak kerja-kerja kalis air dan *expansion joint*, tempoh tanggungan kecacatan projek ialah selama 5 tahun iaitu tamat sehingga tahun 2015. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Jun 2013, masalah kebocoran yang berlaku belum diambil tindakan oleh kontraktor. Kerosakan ini memberi ketidakselesaan kepada pengguna dan bagi kes-kes keretakan dan mendapan tanah boleh meningkatkan kos penyenggaraan di samping mengundang risiko kemalangan kepada pengguna.

2.4.5.3. **Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 3 Januari 2014, MSN sedang meneliti setiap kerosakan dan tindakan penyenggaraan akan dilakukan setelah semua kerosakan dikenal pasti serta dilaporkan kepada kontraktor yang bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan segera. Keretakan yang berlaku melibatkan 2 struktur yang berbeza dan tidak menyebabkan keretakan yang serius serta tidak membahayakan pengguna. Bagaimanapun ia akan diperbaiki segera. Mendapan tanah yang berlaku di keseluruhan kawasan Stadium memerlukan peruntukan yang besar dan MSN akan memohon peruntukan khas bagi mengatasi masalah ini.**


Pada pendapat Audit, keadaan fizikal kemudahan, peralatan dan persekitaran Stadium adalah kurang memuaskan disebabkan kerosakan yang berlaku.

2.4.6. Aspek Keselamatan Stadium Kurang Memuaskan

MSN hendaklah mengambil langkah perlindungan yang mencukupi bagi menjamin keselamatan aset dan hartanah Stadium. Semakan Audit terhadap aspek keselamatan Stadium mendapati perkara berikut:

2.4.6.1. Kerja *recalibrate protection relay* telah tamat tempoh sejak bulan Ogos 2012 dan belum diperbaharui seperti di **Gambar 2.17**. Kerja *recalibrate protection relay* perlu dibuat 2 tahun sekali seperti mana ditetapkan dalam Peraturan – Peraturan Bekalan Elektrik 1990, Bahagian IV Penyenggaraan Pepasangan bagi memastikan sistem elektrik beroperasi dengan selamat untuk mengelakkan daripada sistem elektrik gagal berfungsi. Surat pemberitahuan oleh kontraktor M&E pada 8 Mac 2013 memaklumkan tentang pembaharuan ini dan MSN pada 2 April 2013 telah memohon kepada perunding elektrik bagi mendapatkan sebut harga untuk kerja-kerja penyenggaraan tersebut. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan bulan Jun 2013, penyenggaraan berkaitan belum lagi dibuat.

Gambar 2.17
Protection Relay Yang Telah Tamat Tempoh Pada Bulan Ogos 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 28 Mac 2013

2.4.6.2. Sebanyak 35 daripada 49 CCTV yang sepatutnya berfungsi sebagai alat pemantauan dan pengawalan keselamatan didapati tidak berfungsi disebabkan kerosakan pada kabel kuasa dan *signal* akibat daripada kebocoran air di Stadium. Antara CCTV yang rosak adalah seperti di **Gambar 2.18**. Selain itu 2 daripada 3 monitor CCTV bagi tujuan pemantauan persekitaran turut tidak dapat berfungsi seperti di **Gambar 2.19**. Kerosakan ini telah dilaporkan oleh kontraktor M&E kepada MSN sejak tahun 2009. Bagaimanapun tiada tindakan diambil untuk memperbaiki kerosakan tersebut.

Gambar 2.18
CCTV Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 27 Mac 2013


Gambar 2.19
Monitor CCTV Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 27 Mac 2013

2.4.6.3. Pemadam api telah diperiksa pada tahun 2009 dan 2010, bagaimanapun pemeriksaan bagi tahun 2011 hingga 2013 masih belum dibuat seperti di **Gambar 2.20**. Selain itu didapati MSN masih menggunakan pemadam api yang berusia melebihi 10 tahun di Stadium seperti di **Gambar 2.21**. Mengikut Peraturan Bomba Dan Penyelamat, pemeriksaan tong pemadam api dilakukan setiap tahun. Tong pemadam api perlu diganti apabila tarikh mengilang tong pemadam api luput atau melebihi 10 tahun.

Gambar 2.20
Tarikh Pemeriksaan Pemadam Api Yang
Tamat Tempoh Pada Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 20 Mei 2013

Gambar 2.21
Tong Pemadam Api Dibuat Pada
Tahun 2000 Yang Berusia Melebihi 10
Tahun



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 20 Mei 2013

2.4.6.4. Penutup longkang jenis besi dan konkrit di persekitaran Stadium telah hilang dan rosak seperti di **Gambar 2.22**. Pihak Audit dimaklumkan sebanyak 89 penutup longkang telah hilang dan rosak disebabkan berlaku kecurian dan telah dilanggar oleh kenderaan berat seperti lori.

Gambar 2.22
Penutup Longkang Yang Hilang dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Batu Kawan
 Tarikh: 14 Mei 2013

2.4.6.5. Berdasarkan maklum balas MSN bertarikh 3 dan 15 Januari 2014, MSN bergantung kepada kepakaran M&E untuk memantau, mengawal selia serta memperbaiki segala kerosakan yang berkaitan dengan bekalan elektrik. Kajian semula pelaksanaan tugas oleh kontraktor M&E akan dijalankan segera. Monitor CCTV didapati tidak rosak dan berfungsi dengan baik. Kelonggaran hanya berlaku pada soket monitor dan ianya telah diperbaiki. Kesemua tong pemadam api telah ditukar ganti manakala semua penutup longkang telah diganti dengan penutup jenis simen untuk mengelakkan kehilangan berulang.

Pada pendapat Audit, aspek keselamatan di Stadium adalah kurang memuaskan kerana penggunaan peralatan keselamatan yang tidak berfungsi dan tamat tempoh.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penggunaan dan penyenggaraan Stadium Negeri Batu Kawan diuruskan dengan cekap dan mencapai objektifnya adalah disyorkan MSN mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara-perkara berikut:

2.5.1. Meningkatkan promosi penggunaan Stadium dengan lebih meluas dan dibuat secara berterusan seperti melalui laman web atau media massa tempatan bagi meningkatkan hasil penyewaan supaya kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan dapat dikurangkan.

2.5.2. Menambah baik pengurusan tempahan dan penyewaan kemudahan Stadium sedia ada dari segi dokumentasi bagi memastikan ianya lebih cekap, terurus dan seragam.

2.5.3. Mengambil tindakan segera untuk kerja-kerja penyenggaraan dan membaiki kerosakan kemudahan dan peralatan serta persekitaran bagi memastikan Stadium sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

2.5.4. Mengkaji semula kadar sewaan Stadium dan gerai perniagaan sedia ada supaya kadar dan syarat-syarat perjanjian penyewaan dapat memberi nilai tambah kepada hasil MSN.

MAJLIS AGAMA ISLAM

3. USAHA TARBIAH (PULAU PINANG) SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (UTSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 12 Mei 2004 dengan modal dibenarkan sebanyak RM5 juta dan modal berbayar sebanyak RM4,003,004. UTSB merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). UTSB dianggotai oleh 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Mufti Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli MAINPP dan seorang lagi Ahli Lembaga Pengarah yang merupakan mantan Ahli MAINPP.

3.1.2. Penubuhan UTSB bertujuan untuk mengurus dan mengelola sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan nama Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB). Penubuhan KITAB telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) pada 24 Jun 2005 dan didaftarkan pada 2 Februari 2006. Penubuhan dan pengurusan KITAB adalah tertakluk kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). KITAB menawarkan 5 program pengajian iaitu Diploma Syariah, Diploma Tahfiz Al-Quran, Diploma Qiraat Al-Quran, Diploma Perbankan dan Diploma Kewangan. KITAB juga menawarkan 3 program pengajian ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir Hadis), Ijazah Sarjana Muda Syariah (Al-Ahwal Al-Syahskhiyah) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Muamalah Wal Iqtishad) secara usahasama dengan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara Medan dan Ar Raniry Aceh, Indonesia. Selain itu, kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris juga diadakan. Sehingga bulan Mei 2013, jumlah enrolmen pelajar di KITAB adalah seramai 528 pelajar.

3.1.3. Pengauditan terhadap Syarikat yang sama pernah dijalankan pada tahun 2010. Antara penemuan yang dibangkitkan ialah dari segi kedudukan kewangan yang tidak kukuh, pencapaian dalam rancangan jangka masa panjang, tunggakan yuran pengajian, pencapaian akademik dan penyediaan kemudahan KITAB.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan adalah teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat UTSB dan KITAB. Semakan juga dilakukan terhadap Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965 (Akta 125), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679), minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan syarikat bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis kewangan dilaksanakan terhadap penyata kewangan syarikat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Selain itu, borang soal selidik diedarkan kepada pelajar, kakitangan akademik dan kakitangan bukan akademik bagi menilai pengurusan KITAB. Temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai UTSB, KITAB dan MAINPP. Di samping itu, lawatan fizikal turut dijalankan bagi melihat keberkesanan aktiviti KITAB.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac 2013 dan Jun 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan UTSB dari segi prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan manakala pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Tiga daripada 5 program pengajian diploma hanya mendapat akreditasi sementara dari Agensi Kelayakan Malaysia manakala permohonan belum dibuat bagi mendapatkan akreditasi bagi 3 program ijazah.
- Prestasi pengambilan pelajar kurang memuaskan bagi 3 daripada 5 program diploma.
- 27 pelajar atau 25% sahaja dapat menamatkan pengajian dalam tempoh minimum 7 semester pengajian manakala selebihnya menamatkan pengajian dalam tempoh melebihi tempoh minimum iaitu antara 8 dan 14 semester.
- Pensyarah tidak mempunyai permit mengajar.
- Peningkatan tunggakan yuran pengajian pada setiap tahun disebabkan tindakan mendapatkan semula tunggakan tidak dibuat oleh UTSB.
- Kemudahan asrama pelajar tidak disenggarakan dan keselamatan asrama tidak memuaskan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

Semakan mendapati kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung bersih UTSB telah meningkat pada tahun 2011 dan tahun 2012 seperti di **Jadual 3.1**. Trend

untung/rugi sebelum cukai, trend pendapatan serta perbelanjaan UTSB adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan Operasi	1,607,824	2,833,575	4,140,169
Pendapatan Lain	2,161	2,095	2,242
Jumlah Pendapatan	1,609,985	2,835,670	4,142,411
Perbelanjaan Operasi Dan Pentadbiran	2,172,887	2,229,805	2,744,649
Perbelanjaan Lain	326	391	239
Jumlah Perbelanjaan	2,173,213	2,230,196	2,744,888
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(563,228)	605,474	1,397,523
Cukai	-	-	279,883
Untung/(Rugi) Bersih	(563,228)	605,474	1,117,640
Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul	(1,592,742)	(987,268)	130,372

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

- Pada tahun 2010, UTSB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.56 juta. Bagaimanapun pada tahun 2012, keuntungan UTSB telah meningkat kepada RM1.40 juta atau 130.8% dari tahun sebelumnya berjumlah RM0.61 juta menyebabkan UTSB memperbaiki kedudukan kewangan dengan mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM0.13 juta. Peningkatan keuntungan UTSB disebabkan oleh pertambahan terimaan yuran pengajian kerana pertambahan bilangan pelajar. Selain itu, kenaikan kadar yuran pengajian antara 13% dan 110% pada tahun 2011 juga menyumbang kepada peningkatan ini.
- Perbelanjaan operasi dan pentadbiran yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara adalah seperti berikut:

- i. Perbelanjaan yang melibatkan aktiviti kurikulum, peperiksaan dan kos pendaftaran telah meningkat kepada RM132,837 atau 158.9% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya berjumlah RM51,316. Punca peningkatan adalah disebabkan oleh pembayaran yuran pengajian program Universiti Selangor (UNISEL) berjumlah RM92,211. Bagaimanapun program tersebut telah ditamatkan pada tahun 2012.
- ii. Kos sewaan asrama pelajar juga telah meningkat pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya sebanyak 81.5% iaitu daripada RM115,800 kepada RM210,120. Peningkatan ini disebabkan KITAB telah membuat tambahan unit sewaan asrama di Lorong Kulit, Georgetown kerana pertambahan bilangan pelajar.
- iii. Perbelanjaan pemasaran merangkumi aktiviti seperti pembelian cenderahati, promosi ke Medan Indonesia, mencetak *streamer*, *banner*, poster dan risalah serta pengiklanan di radio. Pada tahun 2011 perbelanjaan pemasaran berjumlah RM76,042 telah menurun kepada RM37,814 pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan UTSB tidak lagi menjalankan promosi ke luar negara.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan UTSB adalah memuaskan kerana menunjukkan peningkatan keuntungan mulai tahun 2011 dan 2012.

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan UTSB dengan lebih jelas analisis nisbah kewangan seperti di **Jadual 3.2** telah dilaksanakan.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Nisbah Kewangan	Tahun		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	97.6:1	48.7:1	14.1:1
Margin Untung Bersih	(35%)	21.4%	33.7%
Pulangan Atas Aset	(0.40:1)	0.30:1	0.32:1
Pulangan Atas Ekuiti	(0.40:1)	0.30:1	0.34:1

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi tahap kecairan kewangan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa UTSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah antara 14.1:1 dan 97.6:1. Nisbah pada tahun 2012 menurun dari tahun sebelumnya kerana peningkatan liabiliti semasa dalam peruntukan cukai berjumlah RM0.28 juta pada tahun 2012. Butiran Nisbah Semasa adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Tahun	Aset Semasa (RM) (a)	Tanggung Semasa (RM) (b)	Nisbah Semasa (a/b)
2010	1,257,662	12,890	97.6:1
2011	1,738,011	35,669	48.7:1
2012	4,085,514	289,763	14.1:1

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih bagi setiap ringgit hasil yang dikutip. UTSB mencatatkan kerugian sebelum cukai pada tahun 2010 berjumlah RM0.56 juta. Pada tahun 2011 dan 2012, UTSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.61 juta dan RM1.4 juta. Analisis Audit mendapati Margin Untung Bersih UTSB adalah antara -35% dan 33.7% bagi 3 tahun kewangan iaitu 2010 hingga 2012. Peningkatan Margin Untung Bersih adalah kerana berlaku peningkatan dalam yuran pengajian dan kenaikan kadar yuran pelajar. Margin Untung Bersih UTSB adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Margin Untung Bersih Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung/(Rugi) Sebelum Cukai (RM) (a)	Jumlah Pendapatan (RM) (b)	Margin Untung Bersih (a/b) %
2010	(563,228)	1,609,985	(35)
2011	605,474	2,835,670	21.4
2012	1,397,523	4,142,411	33.7

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan sebelum cukai yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset yang diperoleh UTSB pada tahun 2010 adalah -0.40:1. Bagaimanapun pada tahun 2011 dan 2012, nisbah ini meningkat kepada 0.30:1 dan 0.32:1 disebabkan oleh peningkatan keuntungan sebelum cukai. Kedudukan Nisbah Pulangan Atas Aset adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Nisbah Pulangan Atas Aset Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung/(Rugi) Sebelum Cukai (RM) (a)	Jumlah Aset (RM) (b)	Nisbah Pulangan Atas Aset (a/b)
2010	(563,228)	1,423,152	(0.40):1
2011	605,474	2,051,405	0.30:1
2012	1,397,523	4,423,139	0.32:1

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi kadar peratusan yang diperoleh, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2010 adalah pada -0.40:1. Bagaimanapun, nisbah ini semakin meningkat pada tahun 2011 dan 2012 kepada 0.30:1 dan 0.34:1 disebabkan peningkatan keuntungan sebelum cukai yang diperoleh UTSB. Kedudukan Nisbah Pulangan Atas Ekuiti bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung/(Rugi) Sebelum Cukai (RM) (a)	Jumlah Ekuiti (RM) (b)	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti (a/b)
2010	(563,228)	1,410,262	(0.40):1
2011	605,474	2,015,736	0.30:1
2012	1,397,523	4,133,376	0.34:1

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan UTSB adalah memuaskan berdasarkan kedudukan Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Aset dan Pulangan Atas Ekuiti.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama UTSB adalah menguruskan KITAB. KITAB merupakan sebuah IPTS yang menggabungkan pendidikan Islam dan teknologi ke arah melahirkan graduan yang mempunyai teras dalam ilmu Islam. Pengauditan yang dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti syarikat mendapati perkara berikut:

3.4.2.1. Program Pengajian Yang Ditawarkan

Sehingga bulan Mei 2013, KITAB menawarkan 8 program pengajian iaitu 5 di peringkat Diploma dan 3 di peringkat Ijazah. Program pengajian yang ditawarkan perlu mendapat akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia bagi menjamin kualiti program. Selain itu,

Seksyen 38, Akta 555 menetapkan IPTS perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar IPTS terlebih dahulu sebelum mengendalikan program pengajian. Tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar IPTS bagi pengendalian program pengajian adalah tidak melebihi 5 tahun dan perlu diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam surat kelulusan pengendalian kursus. Semakan yang dijalankan mendapati perkara berikut:

a. Tiada Perakuan Akreditasi

- i. Perakuan Akreditasi merupakan satu perakuan rasmi bahawa sesuatu sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan mencapai piawai kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia. Terdapat 2 proses jaminan kualiti program yang dilakukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia iaitu Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Semakan terhadap permohonan Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia mendapati hanya 2 program diploma mendapat akreditasi penuh iaitu Diploma Syariah dan Diploma Tahfiz Al-Quran. Menurut KITAB 3 program lagi iaitu Diploma Kewangan, Perbankan dan Qiraat Al-Quran hanya mendapat akreditasi sementara. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam perakuan Akreditasi Sementara. Bagaimanapun, tarikh matang Akreditasi Sementara bagi ketiga-tiga program ini tidak dapat disahkan kerana dokumen berkenaan tidak diserahkan untuk pengauditan.
- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, permohonan untuk mendapatkan akreditasi penuh bagi Diploma Kewangan dan Diploma Qiraat telah pun diserahkan ke pejabat Agensi Kelayakan Malaysia dan salinannya kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 14 Disember 2011. Pihak Agensi Kelayakan Malaysia juga telah membuat penilaian melalui 2 pegawai penilai yang melawat KITAB dan mencadangkan beberapa pindaan yang telah selesai dilaksanakan dan telah dihantar semula kepada Agensi Kelayakan Malaysia pada 30 Mei 2013. Kini KITAB hanya menunggu kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Bagaimanapun bagi permohonan akreditasi penuh untuk Diploma Perbankan tidak dapat dibuat kerana kursus tersebut tidak dikendalikan disebabkan tiada pelajar. Selain itu, KITAB juga telah melantik Timbalan Pendaftar mulai 1 Ogos 2013 yang ditugaskan khusus untuk mendokumentasikan hal-hal berkaitan program pengajian seperti menguruskan permohonan kursus baru, pembaharuan kursus yang tamat tempoh dan mengemukakan permohonan akreditasi.**
- iii. Bagi program Ijazah Sarjana Muda pula iaitu Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir Hadis), Ijazah Sarjana Muda Syariah (Al-Ahwal Al-Syahskhiyah) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Muamalah Wal Iqtishad) permohonan akreditasi belum dibuat. Ketiadaan akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia akan mengakibatkan graduan sukar melanjutkan pengajian di institusi tempatan atau

luar negara dan tidak dapat memohon jawatan dalam Perkhidmatan Awam. Sehingga bulan Mei 2013, ketiga-tiga program ini melibatkan seramai 40 pelajar.

- iv. **Berdasarkan maklum balas bertariikh 17 Disember 2013, permohonan akreditasi bagi dua program ijazah iaitu Sarjana Muda Syariah dan Usuluddin dengan kerjasama Institut Agama Islam Negeri, Medan akan dikemukakan setelah tempoh yang ditetapkan selama 4 semester oleh Agensi Kelayakan Malaysia telah dipenuhi. Pada masa hadapan UTSB akan memastikan semua program yang ditawarkan mestilah terlebih dahulu mendapat perakuan daripada Agensi Kelayakan Malaysia dan kelulusan pengendalian daripada Kementerian Pendidikan.**

b. Permohonan Pembaharuan Kelulusan Pengendalian Kursus Lewat Dikemukakan

- i. Surat kelulusan pengendalian kursus yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar IPTS menetapkan permohonan pembaharuan kelulusan pengendalian kursus hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum tamat tempoh. Sekiranya gagal, pembaharuan tidak akan dipertimbangkan dan KITAB boleh didenda mengikut Seksyen 40(2) Akta 555 sekiranya terus mengendalikan kursus berkenaan. Semakan Audit mendapati KITAB telah lewat mengemukakan permohonan pembaharuan pengendalian kursus bagi program Diploma Syariah dan Diploma Tahfiz Al-Quran antara 10 dan 11 bulan seperti di **Jadual 3.7**. Keadaan ini berlaku kerana tiada *Standard Operating Procedure* (SOP) atau garis panduan khusus yang disediakan oleh KITAB untuk rujukan kakitangan yang bertanggungjawab bagi menguruskan permohonan pengendalian program pengajian. Akibatnya KITAB telah didenda RM10,000 atas kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan kursus bagi program Diploma Syariah.

Jadual 3.7
Kelewatan Permohonan Pembaharuan Kelulusan Pengendalian Kursus

Bil.	Program Pengajian	Tarikh Tamat Tempoh	Tempoh Yang Diberi Oleh KPTM	Tarikh Permohonan Sepatut Dikemukakan	Tarikh Permohonan Dikemukakan	Kelewatan (Bulan)	Status Kelulusan
1.	Diploma Syariah	24.12.2010	1 tahun	24.12.2009	16.12.2010	11	Dilulus (Berdenda)
2.	Diploma Tahfiz Al-Quran	06.03.2011	1 tahun	06.03.2010	11.01.2011	10	Dilulus (Tanpa Denda)

Sumber: Jabatan Pendaftar KITAB

- ii. Sementara itu, kelulusan bagi memperbaharui 3 lagi program pengajian iaitu Diploma Kewangan, Diploma Perbankan dan Diploma Qiraat Al-Quran yang telah tamat tempoh pada bulan Disember 2012 masih belum diterima walaupun permohonan telah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar IPTS pada bulan

November 2011. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, bilangan pelajar yang mengikuti pengajian adalah 17 orang.

- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Januari 2014, mulai 1 Ogos 2013 KITAB telah melantik Timbalan Pendaftar untuk melaksanakan tugas-tugas khas iaitu menguruskan dokumentasi Agensi Kelayakan Malaysia/ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia supaya tindakan dapat diambil dengan cekap dan berkesan.**

Pada pendapat Audit, selain pemantauan oleh pihak pengurusan, SOP perlu diwujudkan oleh UTSB bagi memastikan kakitangan yang terlibat memahami dengan jelas peranan masing-masing dan ini dapat mengelakkan kelewatan serta denda. Di samping itu, tindakan segera perlu diambil untuk memastikan program-program yang ditawarkan mendapat kelulusan Ketua Pendaftar IPTS dan pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia.

3.4.2.2. Prestasi Pengambilan Pelajar

- a. Berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI) UTSB, sasaran pengambilan pelajar baru adalah 100 pelajar pada tahun 2012 dan 150 pelajar pada tahun 2013. Bagaimanapun, sasaran untuk setiap program pengajian tidak diperincikan. Walaupun KITAB telah mencapai sasaran yang ditetapkan, namun 3 program diploma iaitu Diploma Kewangan, Diploma Perbankan dan Qiraat Al-Quran kurang mendapat sambutan. Sehingga Mei 2013, hanya 17 pelajar mendaftar untuk Diploma Kewangan manakala tiada pelajar untuk program Diploma Perbankan dan Qiraat Al-Quran. Bilangan pelajar baru mengikut program pengajian adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Bilangan Pelajar Baru Mengikut Program Pengajian

Bil.	Nama Program Pengajian	Bilangan Pelajar Mengikut Tahun			Jumlah
		2011	2012	2013 (Sehingga Mei)	
1.	Diploma Syariah	61	71	16	148
2.	Diploma Tahfiz Al-Quran	52	48	28	128
3.	Diploma Qiraat Al-Quran	-	-	-	-
4.	Diploma Perbankan	-	-	-	-
5.	Diploma Kewangan	12	4	1	17
Jumlah		125	123	45	293

Sumber: Jabatan Pendaftar KITAB

- b. Perancangan promosi yang teratur dan berkesan adalah antara faktor yang mempengaruhi prestasi pengambilan pelajar. Antara promosi yang telah dibuat adalah di laman sesawang KITAB, iklan di radio, *streamer*, *banner*, poster, mengedarkan risalah, mengadakan pameran dan taklimat di sekolah-sekolah. Bagi tahun 2011 dan 2012 sejumlah RM76,042 dan RM37,814 telah dibelanjakan bagi

tujuan promosi. Secara keseluruhannya KITAB tidak membuat perancangan tahunan bagi melaksanakan pameran dan taklimat. Semakan mendapati KITAB kurang membuat taklimat di sekolah-sekolah memandangkan hanya 9 taklimat sahaja dibuat dalam tempoh 3 tahun. Sementara itu, bagi tempoh yang sama, KITAB telah meletakkan *banner* di 23 buah masjid dan poster di 10 buah sekolah agama di sekitar Pulau Pinang. Bagaimanapun lawatan Audit mendapati hanya 3 daripada 9 buah masjid dipasang *banner* manakala tiada poster dipasang di 5 buah sekolah agama seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Oleh itu maklumat berkaitan KITAB tidak dapat disampaikan kepada golongan sasar dengan meluas dan ini merupakan antara faktor program yang ditawarkan tidak mendapat sambutan.

Gambar 3.1
Banner Yang Dipasang Di Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid Daerah Seberang Perai Tengah,
Bandar Perda
Tarikh: 29 April 2013

Gambar 3.2
Tiada Poster Dipasang Di Sekolah Agama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMA Daeratul Maarifil Wataniah 2, Guar
Perahu
Tarikh: 29 April 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, KITAB ada menjalankan promosi melalui iklan di RTM, taklimat/ceramah di Jabatan-jabatan, bank, sekolah, masjid dan pameran-pameran yang dianjurkan serta mengedarkan flyer kepada ibu bapa. Kain rentang juga dipasang di tempat-tempat tertentu. Selain itu, billboard juga akan didirikan pada Februari 2014. Oleh sebab tempat di KITAB adalah terhad dan hanya boleh menampung 600 pelajar sahaja, maka promosi tidak dijalankan secara agresif. Bagaimanapun, KITAB mendapat bilangan pelajar yang mencukupi untuk mengendalikan program-program diploma dan ijazah. KITAB menyasarkan bilangan pelajar bertambah kepada 1600 orang apabila tambahan 2 blok bangunan baru siap dibina dalam tahun 2015 dan seterusnya meningkatkan aktiviti promosi.**

Pada pendapat Audit, KITAB perlu mengadakan lebih banyak taklimat dan mengedarkan risalah di sekolah-sekolah menengah bagi menarik lebih ramai pelajar. Selain itu, pemasangan *billboard* dapat membantu mempromosi KITAB.

3.4.2.3. Prestasi Akademik Pelajar

- a. Penilaian prestasi pelajar merupakan aspek yang penting bagi menjamin kecemerlangan akademik sesebuah institusi pengajian. Analisis Audit terhadap prestasi pencapaian pelajar mendapati pencapaian kadar lulus tertinggi dicatatkan bagi semester 1 tahun 2012/2013 iaitu 215 pelajar atau 72.4%. Manakala semester 3 Tahun 2011/2012 pula mencatatkan kadar kegagalan tertinggi iaitu 151 pelajar atau 53.2%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Prestasi Keputusan Pelajar Mengikut Semester

Bil.	Semester	Tahun	Bilangan Pelajar Yang Mengambil Peperiksaan	Keputusan Peperiksaan			
				Bilangan Lulus	%	Bilangan Gagal	%
1.	Semester 3	2010/2011	202	126	62.4	76	37.6
2.	Semester 1	2011/2012	216	155	71.8	61	28.2
3.	Semester 1B	2011/2012	250	147	58.8	103	41.2
4.	Semester 2	2011/2012	279	184	65.9	95	34.1
5.	Semester 3	2011/2012	284	133	46.8	151	53.2
6.	Semester 1	2012/2013	297	215	72.4	82	27.6

Sumber: Jabatan Akademik KITAB

- b. Mengikut surat kelulusan pengendalian kursus yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar IPTS, pelajar boleh menamatkan pengajian diploma dalam tempoh minimum 7 semester (2 ½ tahun). Semakan Audit terhadap rekod pencapaian pelajar yang bergraduasi bagi tempoh 2011 hingga 2013 mendapati seramai 108 pelajar telah menamatkan pengajian. Namun, hanya 27 pelajar atau 25% sahaja dapat menamatkan pengajian dalam tempoh minimum 7 semester pengajian manakala selebihnya menamatkan pengajian dalam tempoh melebihi tempoh minimum iaitu antara 8 dan 14 semester seperti di **Jadual 3.10**. Menurut KITAB, pelajar tidak dapat menamatkan pengajian dalam tempoh minimum kerana terpaksa mengulang mata pelajaran yang gagal.

Jadual 3.10
Tempoh Masa Yang Diambil Oleh Pelajar Untuk Menamatkan Pengajian

Tempoh Masa Diambil Untuk Menamatkan Pengajian	Jumlah Pelajar Yang Menamatkan Pengajian	Bilangan Pelajar Mengikut Tahun		
		2011	2012	2013
Minimum (7 Semester)	27	TM	6	21
8 Hingga 14 Semester	81	TM	37	44
Jumlah	108		43	65

Sumber: Jabatan Akademik KITAB

TM- Tiada Maklumat

- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, KITAB berusaha untuk memastikan semua pelajar berjaya dalam kursus yang diambil. Namun, disebabkan kemampuan, sikap dan kesungguhan mereka menyebabkan sebahagian daripada mereka gagal dan meninggalkan KITAB. Bagaimanapun,**

terdapat sebilangan pelajar telah mengulangi mata pelajaran yang gagal dan berjaya menamatkan kursus. KITAB berperanan menampung pelajar-pelajar yang tidak terpilih untuk melanjutkan pengajian ke institusi lain. Selain itu, KITAB juga berjaya menyediakan peluang kepada orang-orang awam untuk melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang Syariah dan Usuluddin.

3.4.2.4. Pensyarah Tidak Mempunyai Permit Pengajar

- a. Seksyen 51, Akta 555 menetapkan permit mengajar hendaklah diperoleh daripada Ketua Pendaftar IPTS sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS. Selain itu, setiap tenaga pengajar perlu mempunyai permit mengajar yang dikemaskini sebagai salah satu syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam syarat kelulusan pengendalian kursus. Kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 40(2) Akta 555 dan boleh dikenakan hukuman denda. Sehingga Mac 2013, KITAB mempunyai 27 tenaga pengajar. Bagaimanapun, hanya 17 permit mengajar dikemukakan untuk semakan Audit. Semakan Audit mendapati daripada 17 permit yang dikemukakan, 6 permit telah tamat tempoh pada Mei 2011. Mengikut rekod KITAB permohonan bagi memperbaharui permit mengajar telah dibuat kepada Ketua Pendaftar IPTS pada April 2012 tetapi sehingga tarikh pengauditan, permit baru masih belum diterima. Kesannya pensyarah yang terlibat telah mengajar tanpa permit bagi tempoh 24 bulan dan KITAB boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Januari 2014, 20 tenaga pengajar mempunyai permit mengajar manakala 7 lagi sedang dalam proses membuat permohonan. Selain itu, 4 orang tenaga pengajar baru telah pun membuat permohonan untuk mendapatkan permit mengajar pada bulan November 2013.**

3.4.2.5. Tunggakan Yuran Pengajian

- a. Sehingga 31 Disember 2012, tunggakan yuran pengajian di KITAB adalah berjumlah RM3.50 juta. Analisis Audit mendapati tunggakan yuran pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM1.94 juta atau 124.6% berbanding tahun sebelumnya seperti di **Jadual 3.11**. Peningkatan ini disebabkan KITAB tidak mengambil tindakan susulan bagi mengutip tunggakan tersebut. Melalui temubual dengan pegawai di Jabatan Bendahari, surat peringatan ada dihantar kepada penghutang. Walau bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada surat peringatan tersebut ada dikeluarkan.

Jadual 3.11
Jumlah Tunggakan Yuran Pengajian Bagi
Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Jumlah (RM)
2011	1,558,083
2012	3,499,191
2013 (Mei)	TM

Sumber: Penyata Kewangan Usaha Tarbiah
(Pulau Pinang) Sdn. Bhd.

TM – Tiada Maklumat

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, Jawatankuasa Penyelarasan UTSB-KITAB telah memutuskan bahawa Setiausaha Syarikat akan memungut tunggakan yuran sejumlah RM3.50 juta. Satu pasukan petugas atau *task force* telah diwujudkan untuk tujuan tersebut. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan UTSB-KITAB Bil. 5/2013 pada 6 Disember 2013, sejumlah RM980,000 telah berjaya dipungut daripada RM2.30 juta yuran tertunggak yang melibatkan pelajar-pelajar diploma. Perbincangan sedang dibuat dengan sebuah bank untuk menyelesaikan yuran tertunggak sejumlah RM1.20 juta melibatkan pelajar ijazah untuk membolehkan pelajar ijazah mendapat pinjaman peribadi sejumlah RM21,000 seorang. Di samping itu, Jawatankuasa Penyelarasan UTSB-KITAB juga memutuskan agar tunggakan tidak berlaku lagi dengan memastikan yuran dibayar pada setiap semester. Sekiranya tidak diselesaikan pada setiap hujung semester, pelajar tersebut tidak dibenarkan mengambil peperiksaan semester tersebut.

Pada pendapat Audit, UTSB perlu mengambil inisiatif mengutip tunggakan yuran memandangkan yuran pengajian merupakan pendapatan utama Syarikat.

3.4.2.6. Asrama Pelajar

KITAB menyediakan kemudahan asrama kepada semua pelajar. Terdapat 4 bilik asrama di KITAB yang disediakan untuk pelajar lelaki. Manakala 26 unit asrama yang disewa di Lorong Kulit terdiri daripada 13 unit untuk pelajar lelaki, 12 unit untuk pelajar perempuan dan 1 unit untuk warden. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

a. Kemudahan Dan Peralatan Asrama Tidak Disenggara

- i. Lawatan Audit pada 16 Mei 2013 ke asrama KITAB mendapati keadaan bilik air asrama rosak, kotor dan tidak disenggara, siling tidak ditutup dan almari pakaian rosak seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**. Melalui temubual dengan penghuni asrama aduan kerosakan telah dibuat secara lisan, namun tiada tindakan diambil oleh pihak pengurusan KITAB. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak mendapat keselesaan dan boleh memberi kesan kepada kualiti pembelajaran.

Gambar 3.3
Keadaan Siling Tandas Yang Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama KITAB
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 3.4
Almari Pakaian Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama KITAB
Tarikh: 16 Mei 2013

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Januari 2014, tindakan telah diambil di asrama lelaki di KITAB. Program gotong-royong di kalangan pelajar telah dibuat bagi membersihkan bilik dan menyusun atur supaya keadaan bilik menjadi lebih kemas dan bersih.**

b. Keselamatan Asrama Tidak Memuaskan

- i. Asrama Lorong Kulit adalah bangunan lama yang kurang mempunyai ciri keselamatan dan turut didiami oleh orang awam. Lokasinya yang berdekatan dengan "Rope Walk" iaitu satu destinasi yang menjadi tumpuan orang ramai dan juga pelancong boleh menyumbang kepada masalah keselamatan pelajar. Adalah didapati perkhidmatan pengawal keselamatan sepenuh masa tidak disediakan di asrama Lorong Kulit. Selain itu, alat pemadam api dan *Fire Escape Plan* tidak disediakan serta latihan kebakaran tidak dilaksanakan.
- ii. Warden bertanggungjawab memastikan keselamatan dan keselesaan penghuni asrama sentiasa terpelihara. Asrama perempuan Lorong Kulit mempunyai warden manakala tiada warden ditempatkan untuk asrama lelaki Lorong Kulit. Pemantauan terhadap pelajar lelaki di asrama Lorong Kulit dibuat oleh warden asrama KITAB. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan lawatan ada dibuat kerana tiada rekod diselenggarakan. Tanpa pemantauan warden, kebajikan dan keselamatan penghuni asrama tidak dapat diuruskan dengan baik.
- iii. Lawatan ke asrama KITAB pada tarikh yang sama mendapati pelajar membuat penyambungan elektrik dengan menggunakan *extension wire* seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6** walaupun Peraturan Asrama melarang berbuat demikian. Keadaan ini berlaku kerana kurang pemantauan oleh pihak pengurusan KITAB. Penggunaan *extension wire* yang tidak dipantau boleh menyebabkan insiden tidak diingini seperti kebakaran yang membahayakan pelajar di samping menyebabkan kerugian kepada UTSB.

Gambar 3.5
Penyambungan Elektrik Yang
Menggunakan *Extension Wire*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama KITAB
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 3.6
Penyambungan Elektrik Yang
Menggunakan *Extension Wire*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama KITAB
Tarikh: 16 Mei 2013

- iv. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, Pengurus Bangunan asrama di Lorong Kulit adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan menyenggara kemudahan asrama berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani. Namun KITAB ada melantik pensyarah sebagai warden di asrama pelajar perempuan. Beberapa perbincangan telah diadakan dengan Pengurus Bangunan berhubung dengan pengawal keselamatan, pondok pengawal, kawalan keluar/masuk dan alat pemadam api. Selain itu, kawalan keselamatan asrama juga akan berada dalam pengawasan pihak polis. Pengurus Bangunan bersetuju mengambil tindakan secara beransur-ansur dan ia akan dimasukkan dalam kontrak baru asrama Lorong Kulit pada 1 September 2014. Bagaimanapun, keseluruhan pengurusan dan pengawasan asrama adalah tugas dan tanggungjawab Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Pelajar) KITAB yang bertugas sebagai warden dan tinggal di asrama lelaki dan perlu menyampaikan laporan berkala kepada Rektor.**

Pada pendapat Audit, UTSB perlu menyediakan kemudahan yang lengkap dan kondusif bagi menjamin keselesaan pelajar. Di samping itu, langkah-langkah keselamatan perlu diambil bagi menjamin keselamatan pelajar.

3.4.2.7. Maklum Balas Soal Selidik

- a. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan iaitu 60 kepada pelajar, 25 kepada kakitangan akademik dan 15 kepada kakitangan bukan akademik. Daripada jumlah tersebut hanya 43 borang soal selidik diterima dari pelajar, 5 dari kakitangan bukan akademik dan 15 dari kakitangan akademik. Hasil maklum balas adalah seperti di **Jadual 3.12.**

Jadual 3.12
Hasil Maklum Balas Soal Selidik

Bil.	Perkara	Jumlah Maklum Balas	Responden				Tiada Jawapan	
			Setuju		Tidak Setuju		Bil.	%
			Bil.	%	Bil.	%		
Pelajar: 43 Responden								
1.	Tunggakan yuran dimaklumkan kepada pelajar.	43	17	39.5	12	27.9	14	32.6
2.	Kadar yuran yang dikenakan berpatutan	43	27	62.8	16	37.2	0	0
3.	Berpuas hati dengan kemudahan di bilik kuliah dan kaedah pembelajaran.	43	28	65.1	15	34.9	0	0
4.	Berpuas hati dengan kemudahan perpustakaan.	43	22	51.2	21	48.8	0	0
5.	Berpuas hati dengan kemudahan bilik komputer.	43	28	65.1	15	34.9	0	0
6.	Berpuas hati dengan kemudahan internet	43	20	46.5	23	53.5	0	0
7.	Berpuas hati dengan perkhidmatan kaunseling	43	23	53.5	20	46.5	0	0
8.	Berpuas hati dengan kemudahan sukan dan rekreasi yang disediakan.	43	35	81.4	8	18.6	0	0
9.	Kemudahan asrama mencukupi untuk menampung keperluan pelajar	43	17	39.5	6	14.0	20	46.5
10.	Tindakan pembaikan kerosakan asrama diambil dengan segera.	43	26	60.4	10	23.3	7	16.3
11.	Penyeliaan, pemantauan dan pemeriksaan oleh warden asrama dilaksanakan secara berkala.	43	40	93.0	3	7.0	0	0
12.	Berpuas hati dengan keselamatan penghuni kampus.	43	36	83.7	7	16.3	0	0
Kakitangan Bukan Akademik: 5 Responden								
1.	Pernah menghadiri latihan pada tahun 2011 hingga 2013.	5	0	0	5	100	0	0
2.	Pengasingan tugas disediakan.	5	1	20	4	80	0	0
3.	Senarai tugas dinyatakan dengan jelas	5	1	20	4	80	0	0
4.	Kelengkapan pejabat mencukupi dan memuaskan	5	3	60	2	40	0	0
5.	Persekitaran tempat kerja selesa	5	3	60	2	40	0	0
Kakitangan Akademik: 15 Responden								
1.	Pernah menghadiri latihan pada tahun 2011 hingga 2013	15	5	33.3	10	66.7	0	0
2.	Pengasingan tugas disediakan	15	8	53.4	5	33.3	2	13.3
3.	Senarai tugas dinyatakan dengan jelas	15	11	73.3	4	26.7	0	0
4.	Peralatan mengajar memuaskan dan mencukupi	15	7	46.7	7	46.7	1	6.6
5.	Persekitaran tempat kerja selesa	15	8	53.3	7	46.7	0	0

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara Pulau Pinang

- b. Analisis Audit mendapati, secara keseluruhannya pelajar berpuas hati terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kecuali kemudahan internet yang kurang memuaskan. Manakala kakitangan akademik dan bukan akademik berpuas hati dengan persekitaran pekerjaan. Bagaimanapun UTSB tidak menyediakan latihan kepada kakitangan bagi memantapkan prestasi kerja. Selain itu, pusingan kerja tidak

dibuat dan senarai tugas tidak dinyatakan dengan jelas bagi kakitangan bukan akademik.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

3.4.3.1. *Standard Operating Procedure (SOP)*

- a. SOP merupakan dokumen utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. SOP perlu disediakan dan dipatuhi bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai SOP untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati UTSB mempunyai Peraturan Kewangan yang berfungsi sebagai SOP dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, peraturan tersebut tidak dipatuhi sepenuhnya.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, UTSB sentiasa memantau aktiviti melalui Jawatankuasa Penyelarasan UTSB-KITAB melibatkan perjawatan, kewangan dan pembangunan. Walau bagaimanapun, UTSB akan meminta KITAB menyediakan Piawai Prosedur Operasi atau SOP selain daripada peranan yang telah ditetapkan dalam senarai tugas yang menjadi kelaziman organisasi.**

3.4.3.2. *Perancangan Strategik/Key Performance Indicator*

- a. Mengikut Amalan Terbaik seperti yang terdapat dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang syarikat. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan dimaklumkan kepada syarikat induk bagi tujuan pemantauan. Lembaga Pengarah UTSB telah meluluskan KPI bagi tempoh 3 tahun mulai 2011 hingga 2013 dan Perancangan Korporat Akademik bagi tempoh 2012 hingga 2016. Semakan Audit mendapati UTSB telah mencapai sasaran bilangan pelajar dan keuntungan yang ditetapkan dalam KPI bagi tahun 2011 dan 2012. Manakala Perancangan Korporat Akademik tahun 2012/2013 tidak dapat dinilai tahap pencapaiannya kerana tiada sasaran yang ditetapkan.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, UTSB melalui KITAB telah menyediakan perancangan strategik melibatkan kursus-kursus yang dapat menarik bilangan pelajar. Namun tidak semua yang dirancang dapat dilaksanakan kerana ianya bergantung kepada faktor persekitaran dalaman dan luaran.**

3.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Unit Audit Dalam

- a. Mengikut Amalan Terbaik seperti yang terdapat dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat. Berdasarkan maklumat daripada UTSB, Jawatankuasa Audit/Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan. Bagaimanapun, Jawatankuasa Penyelarasan ada diwujudkan dan salah satu fungsinya adalah melaksanakan audit dalaman KITAB. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2011 hingga 2013, Jawatankuasa Penyelarasan telah bermesyuarat sebanyak 6 kali dan hanya membincangkan perkara berkaitan kewangan dan kemajuan KITAB.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Disember 2013, Jawatankuasa Audit dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan UTSB-KITAB yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif. Namun, fungsi dan tugasnya tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Oleh itu UTSB akan memastikan satu Unit/Jawatankuasa Audit Dalam diwujudkan untuk melaksanakan fungsi dan tugas dengan lebih berkesan.**

Pada pendapat Audit, UTSB perlu memastikan KITAB mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Di samping itu, UTSB juga perlu memastikan sasaran Perancangan Korporat Akademik KITAB dinyatakan dengan jelas supaya pencapaiannya dapat diukur. Selain itu, Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan bagi memastikan pengukuhan semua aspek pelaksanaan operasi selaras dengan dasar dan objektif syarikat.

3.4.3.4. Pengurusan Kewangan

a. Perbelanjaan Yang Tidak Mematuhi Peraturan Kewangan

- i. Berdasarkan Peraturan Kewangan yang ditetapkan oleh UTSB, perbelanjaan melebihi RM10,000 perlu dibuat melalui sebut harga dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah UTSB. Mulai Jun 2012, Lembaga Pengarah telah menetapkan perbelanjaan melebihi RM20,000 perlu dibincangkan dalam Jawatankuasa Sebut Harga KITAB dan disahkan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati 12 perbelanjaan yang melebihi RM10,000 dibuat kepada kontraktor yang sama, secara pembelian terus dan juga tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.13**.

Jadual 3.13

Senarai Perbelanjaan Yang Tidak Mematuhi Peraturan Kewangan

Bil.	Tarikh Inbois	Tarikh Baucar	No. Baucar	Amaun (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)	Butiran Perbelanjaan
1.	12.09.2011	12.10.2011	709/2011	9,500	18,976	Pendawaian Talian Internet Di Bilik Server 2
		31.10.2011	769/2011	9,476		
2.	14.07.2011	09.09.2011	637/2011	9,863	27,863	Ubahsuai Tandas VIP Perempuan Di Tingkat Bawah
		19.09.2011	644/2011	9,000		
		30.12.2011	949/2011	9,000		
3.	14.07.2011	19.08.2011	577/2011	9,000	18,763	Menukar Bumbung Dewan Besar
		24.08.2011	580/2011	9,763		
4.	14.07.2011	18.07.2011	498/2011	7,863	27,863	Ubahsuai Tandas VIP Lelaki Di Tingkat Bawah
		29.07.2011	525/2011	8,000		
		05.08.2011	564/2011	8,000		
		15.08.2011	568/2011	4,000		
5.	27.06.2011	30.06.2011	450/2011	8,000	15,600	Ubahsuai Tandas Lelaki Dan Perempuan Di Tingkat 1
		05.07.2011	491/2011	7,600		
6.	06.06.2011	09.06.2011	408/2011	8,688	39,688	Membina Bangunan Tambahan Pejabat Kewangan KITAB
		17.06.2011	419/2011	9,000		
		21.06.2011	425/2011	9,000		
		27.06.2011	429/2011	9,000		
		30.06.2011	440/2011	4,000		
7.	23.05.2011	23.05.2011	347/2011	8,000	34,360	Ubahsuai Kantin KITAB
		25.05.2011	355/2011	8,000		
		30.05.2011	356/2011	9,000		
		09.06.2011	407/2011	9,360		
8.	18.05.2011	18.05.2011	332/2011	6,000	12,700	Ubahsuai Tandas Asrama Lelaki Tahfiz
		20.05.2011	334/2011	6,700		
9.	08.07.2011	18.07.2011	499/2011	4,500	10,500	Memasang Gutter Di Dewan Besar
		05.09.2011	627/2011	6,000		
10.	10.01.2012	20.04.2012	260/2012	9,000	26,732	Ubahsuai Bilik Tasmi' Di Tingkat 2
		01.05.2012	312/2012	9,000		
		15.06.2012	406/2012	8,732		
11.	10.01.2012	31.01.2012	73/2012	7,435	11,035	Ubahsuai Bilik Koperasi Menjadi Bilik Pensyarah Perempuan
		01.02.2012	79/2012	3,600		
12.	05.01.2013	29.01.2013	16/2013	8,357	31,850	Ubahsuai Tandas VIP Tingkat 1 Pejabat Am
		31.01.2013	41/2013	9,680		
		01.02.2013	64/2013	7,880		
		08.03.2013	138/2013	5,933		
Jumlah					275,930	

Sumber: Baucar Bayaran KITAB

- ii. Spesifikasi kerja adalah perlu supaya bayaran yang dikenakan berpatutan dengan kerja yang dilaksanakan. Semakan mendapati 12 perbelanjaan tersebut yang merupakan kerja pengubahsuaian dan penyenggaraan dibuat tanpa spesifikasi kerja dan tiada sebut harga dikemukakan. Pesanan kerja juga tidak dikeluarkan kepada kontraktor bagi memperincikan kerja-kerja yang sepatutnya dilaksanakan.
- iii. Semakan lanjut mendapati KITAB telah membuat bayaran berperingkat dengan nilai kurang dari RM10,000 walaupun kontraktor mengemukakan satu tuntutan bayaran sahaja. Sebanyak 35 baucar bayaran telah dikeluarkan bagi 12 perbelanjaan tersebut. Kesan daripada amalan ini cek bayaran hanya

ditandatangani oleh 2 penandatangan sahaja sedangkan pembayaran yang melebihi RM10,000 perlu ditandatangani oleh 3 penandatangan sebagai satu kawalan dalaman yang ditetapkan oleh UTSB.

- iv. **Berdasarkan maklum balas bertariikh 2 Januari 2014, semua perbelanjaan sepatutnya telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah UTSB melalui resolusi setelah dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah KITAB. Disebabkan terdapat resolusi yang tidak dapat dikesan maka 12 perbelanjaan tersebut akan dibawa sekali lagi ke Mesyuarat Lembaga Pengarah. UTSB akan memastikan sebarang perbelanjaan yang melebihi RM20,000 pada masa akan datang mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah UTSB sebelum perolehan dibuat.**

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan syarikat dan keselesaan serta keselamatan pelajar dapat dipertingkatkan UTSB adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Mewujudkan SOP syarikat merangkumi semua Jabatan supaya perjalanan operasi syarikat berjalan dengan lancar.

3.5.2. Meningkatkan pemantauan terhadap perjalanan KITAB bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia dipatuhi.

3.5.3. Mewujudkan kaedah yang berkesan untuk mengutip yuran yang tertunggak supaya jumlah tunggakan dapat dikurangkan.

3.5.4. Mempertingkatkan kemudahan dan keselamatan asrama pelajar.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembedulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembedulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu terus memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

27 Januari 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my